**Program biasiswa, daftar segera!** MS 3

**Fokus Permatang Pauh** MS 4 – 6





**MPSP, kitar semula paling tinggi** MS 21



PERCUMA

buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA

Cekap · Akauntabel · Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 30 APRIL 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# *Penang Sky Cab* tingkat imej pelancongan negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SUMBER PENANG SENTRAL**

**GEORGE TOWN –** *Penang Sky Cab* berkonsepkan operasi kereta kabel yang dicadangkan pihak Penang Sentral Sdn. Bhd. (PSSB) kepada Kerajaan Negeri yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2018 bakal menjadi tarikan pelancongan terbaharu di Pulau Pinang.

Serentak itu, perkhidmatan kereta kabel menghubungkan Seberang Perai dan bahagian pulau tersebut juga bakal menambah variasi mod pengangkutan di negeri ini.

Bagaimanapun, projek tersebut bakal menjadi alternatif kepada sistem pengangkutan awam sedia ada di Pulau Pinang dan bukannya sebahagian komponen Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) sebagaimana dilaporkan media arus perdana sebelum ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek usahasama Kerajaan Negeri dengan PSSB tersebut masih di peringkat eksplorasi dan bakal menjadi mercu tanda baharu kelak.

"Selain dapat meningkatkan imej pelancongan negeri ini, *Penang Sky Cab* merupakan bonus kepada warga Pulau Pinang sekaligus dapat memberi kemudahan dan berperanan sebagai alternatif mod pengangkutan ringan kepada orang ramai.

"Sekira segalanya berjalan lancar, secara teknikal projek dengan anggaran kos antara RM250 juta ke RM300 juta, ia dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2018. Kerja-kerja pembinaan pula dijangka bermula selewat-lewatnya penghujung tahun 2016," katanya pada sidang media di Komtar baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air & Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng; Timbalan Pengarah Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. A. Rajendran dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait.

PSSB adalah anak syarikat Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) yang ditubuhkan untuk membangunkan Penang Sentral, sebuah pembangunan yang mengintegrasikan pembangunan komersial bercampur dengan hab pengangkutan bersepadu yang terbesar di kawasan utara Malaysia.




**LAKARAN perspektif *Penang Sky Cab*.**

Menurut Guan Eng, dengan adanya *Penang Sky Cab*, Pulau Pinang dapat membangunkan hab baru bagi sistem pengangkutan awam bersepadu yang dapat mengintegrasikan perkhidmatan bas, teksi, feri, keretapi selain pembangunan komersial dan runcit di bawah Koridor Utara Hab Pengangkutan Awam.

"Sebaliknya projek Transit Aliran Ringan (LRT) dan Transit Laju Massa (MRT) adalah sebahagian komponen PIP yang dilihat mampu menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di Pulau Pinang untuk jangka masa panjang.

"Dalam erti kata lain, tidak ada keperluan untuk membuat permohonan kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia kerana *Penang Sky Cab* adalah mod pengangkutan ringan yang hanya boleh membawa 10 orang penumpang dalam masa 15 minit sehala," jelasnya.

Dalam pada itu, jurucakap PSSB, Shireen Mohd. Iqbal berkata, *Penang Sky Cab* akan merentasi Selat Melaka antara bahagian pulau dan Seberang Perai sejauh tiga kilometer.

"Selain menjadi produk pelancongan, *Penang Sky Cab* ini juga akan mengurangkan kebergantungan kita terhadap pengangkutan awam sedia ada dan ini selaras dengan hasrat Pulau Pinang ke arah sebuah negeri yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat," ujar beliau.

*Penang Sky Cab* akan menghubungkan Hab Pengangkutan Sentral Pulau Pinang, Butterworth (di bahagian Seberang Perai) ke Gat. Lebuh Nordin berdekatan Depoh Bas Rapid Penang (di bahagian pulau).

Direka khas bagi menampung 10 orang penumpang dalam satu gondola, *Penang Sky Cab* dijangka dapat menampung sehingga 2,000 orang penumpang dalam tempoh satu jam sehala dengan penyediaan 80 kabin.

Penumpang dapat menikmati pemandangan indah sepanjang 15 minit tempoh pejalanan.

Selain itu, penumpang juga boleh menikmati pemandangan indah melalui menara tinjau yang bakal dibangunkan di tengah-tengah lautan.

Maklum balas awam berkaitan *Penang Sky Cab* adalah dialu-alukan.

**LAKARAN menara tinjau yang membolehkan pengunjung menikmati pemandangan indah Pulau Pinang.**



**PEMANDANGAN stesen *Penang Sky Cab* di Seberang Perai.**



# KM tidak pernah terlibat pentadbiran & keputusan tanah wakaf – YDP MAINPP

**GEORGE TOWN –** Yang di-Pertua (YDP) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man tampil menafikan fitnah yang dilontarkan terhadap Y.A.B. Ketua Menteri dan pentadbiran agama Islam dalam pengurusan tanah wakaf di negeri ini.

Mohd. Salleh berkata, Ketua Menteri tidak pernah terlibat dengan mengganggu (*interfere*) atau membuat sebarang keputusan berhubung pentadbiran tanah wakaf di Pulau Pinang sejajar dengan peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 di bawah Seksyen 89, Wakaf, Nazr dan Amanah.

"Jelas dinyatakan dalam Enakmen tersebut semua wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas walau apapun peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana suratcara, Majlis (MAINPP) hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal.

"Dalam erti kata lain, apa-apa tindakan atau keputusan yang diambil berhubung pentadbiran, kemajuan dan pengelolaan tanah wakaf di Pulau Pinang hanya boleh diputuskan oleh Lembaga MAINPP setelah mendapat syor Jawatankuasa Pembangunan, Hal Ehwal Tanah dan Aset, MAINPP," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Mohd. Salleh berkata demikian adalah sebagai mengulas laporan rencana bertajuk "Pengundi di atas pagar jadi penentu? hasil tulisan Zulkifli Jalil yang disiarkan di dalam media arus perdana, Utusan Malaysia bertarikh 10 April lalu.

Turut serta pada sidang media berkaitan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Tambah Mohd. Salleh, Kerajaan Negeri tidak pernah menukar sebarang kaedah atau prosedur mahupun campur tangan dalam urusan membabitkan tanah wakaf sejak 2008.

"Oleh itu, adalah tidak benar tanah wakaf diletakkan di bawah pengawasan Ketua Menteri dan sebarang cadangan membangunkannya mesti mendapat kelulusan beliau," jelas Mohd. Salleh yang turut mengemukakan Akuan Berkanun Pesuruhjaya Sumpah sebagai rujukan pihak media.

Menurut beliau, fitnah jahat tersebut bukan sahaja membabitkan pentadbiran negeri, tetapi juga pentadbiran agama Islam di Pulau Pinang.

"Semua ini taktik kotor bagi membolehkan Barisan Nasional (BN) menang undi pengundi Melayu dan Islam dalam Pilihanraya Kecil Permatang Pauh akan datang," ujarnya.

Rentetan itu, Guan Eng memfailkan writ saman terhadap Utusan Malaysia dan kolumnis Analisis, Zulkifli Jalil ekoran artikel fitnah berkaitan.

# MBPP bersama rakyat rai status bandaraya

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN & SHUM JIAN-WEI**

**BUKIT GELUGOR –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyumbang sejumlah RM16,000 kepada dua madrasah dan dua rumah kebajikan terpilih sempena meraikan pengisytiharan status bandaraya di sini baru-baru ini.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail berkata, setiap madrasah dan rumah kebajikan menerima cek bernilai RM4,000 di samping sumbangan hamper.

Menurutnya, MBPP bukan sahaja responsif terhadap penyediaan pembangunan prasarana dan kebersihan persekitaran, tetapi juga terhadap kebajikan masyarakat setempat.

"Keprihatinan yang ditonjolkan ini secara tidak langsung akan mengukuhkan ikatan silaturahim semua warga Pulau Pinang tanpa mengira latar belakang agama, kaum, status dan budaya," katanya pada Majlis Lawatan dan Sumbangan Datuk Bandar sempena Pengisytiharan Bandaraya di Madrasah Tahfizul Quranul Karim Baitul Irfan (Baitul Irfan), Kampung Kastam di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Setiausaha MBPP, Ir. Ang Aing Thye; Pengarah Korporat MBPP, Mohamed Akbar Mustapha; Pengerusi Baitul Irfan, Abdul Razi Abdullah dan pegawai-pegawai kanan dari MBPP.

Madrasah Miftahul Irfan, Sungai Rusa, Balik Pulau; Pusat Kebajikan Kanak-kanak Terencat Akal (Pusat Harian Harapan Bakti), Jalan Sungai Nipah, Balik Pulau dan Rumah Amal Cheshire Pulau Pinang, George Town juga menerima sumbangan cek dan hamper dari MBPP.




**DR. Abdul Rahman Abbas (depan, bertopi) dan isteri memerhatikan kecantikan percikan bunga api sempena sambutan Gilang Gemilang Tanjung Penaga Sempena Pengishtiharan MBPP.**

Terdahulu, lebih 5,000 orang membanjiri Padang Kota Lama pada Sambutan Gilang Gemilang Tanjung Penaga yang turut dihadiri Yang di-Pertua Negeri (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff serta barisan kepimpinan tertinggi negeri antaranya Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersama Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan barisan Ahli Majlis MBPP.

Pelbagai acara menarik dipersembahkan antaranya nyanyian daripada pelantun 'Sekuntum Mawar Merah Sebuah Puisi', Datuk David Arumugam (kumpulan Alleycats) bersama Dasha Logan, boria dari Kumpulan Boria Omara, jenaka dari Mamu Raja Lawak, persembahan fesyen 'Baba Nyonya' dan muzik kebudayaan etnik di Pulau Pinang.




**BERGAMBAR kenangan dengan barisan Ahli Majlis MBPP di pintu masuk Pameran Sejarah Bandaraya yang diadakan di Galeri, Dewan Bandaraya, Padang Kota Lama.**



**KETUA Menteri beramah-mesra dengan pengacara terkenal, Datuk Mahadzir Lokman (kiri sekali) sambil diperhatikan Patahiyah Ismail (dua dari kanan) pada majlis sambutan Gilang Gemilang Tanjung Penaga.**

# PFF, program biasiswa elak aliran bakat tempatan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Bertujuan mengelak pengaliran keluar bakat tempatan, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif khas menubuhkan Yayasan Masa Depan Pulau Pinang *(Penang Future Foundation, PFF)* yang merupakan program biasiswa ditawarkan kepada pelajar-pelajar cemerlang dan layak di Malaysia untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkan pelaksanaan program berkaitan berkata, PFF yang dimungkinkan hasil sumbangan derma sektor swasta dan individu termasuk *Penang Turf Club* itu, diharap dapat memberi manfaat kepada pelajar cemerlang dan seterusnya menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah hab bakat.

"Sebagai negeri kedua terkecil di Malaysia, Kerajaan Negeri Pulau Pinang meliputi sepenuhnya kepentingan inspirasi dengan membenarkan anak-anak muda negara, tanpa mengira bangsa, agama dan jantina yang berusia 25 tahun ke bawah untuk melengkapkan diri masing-masing dengan pendidikan lebih tinggi.

"Selain itu, ia juga bertujuan menyediakan barisan belia negara dengan keutamaan diberikan kepada rakyat (belia) Pulau Pinang dari keluarga berpendapatan tunggal, rendah kepada sederhana di sini peluang sebagai asas untuk masa depan yang lebih baik.

"Ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri bagi memupuk dan menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri hab bakat, justeru, syarat dan harapan PFF kelak adalah pemegang-pemegang biasiswa ini akan kembali berkhidmat di sini (Pulau Pinang) dengan mencurah idea serta kepakaran masing-masing," ujarnya pada sidang media Pelancaran PFF baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Turut serta, Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan PFF, Datuk Seri Nazir Ariff, Datuk Daisy Ooi, Koon Yew Yin, P. Ramakrishnan dan Loo Lee Lian.

Sehingga kini, PFF memiliki dana bernilai RM20 juta menerusi sumbangan *Penang Turf Club*.

Malah, adalah diharapkan supaya lebih banyak pihak korporat akan tampil dan menyumbang kepada PFF yang mana semua sumbangan kewangan akan dikecualikan daripada cukai.




**LAMAN web PFF bagi maklumat lanjut program biasiswa hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang.**

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh meneroka inisiatif serta mewujudkan peluang bagi membendung arus pengaliran keluar pakar yang kini melanda negara.

"Pulau Pinang tidak mempunyai sumber-sumber semula jadi, kemakmuran ekonomi dan kejayaan material kita (Pulau Pinang) adalah bergantung pada keupayaan membina, mengekal, menarik dan menggunakan bakat manusia.

"Justeru, bagi memenangi masa depan, masyarakat perlu melabur dalam bidang pendidikan. Hari ini, kita (Kerajaan Negeri) membentuk masa depan kita dengan melabur dalam kecemerlangan dan peluang," jelas beliau.

PFF terbuka kepada semua belia Malaysia berusia di bawah 25 tahun dengan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM15,000 sebulan.

Pemohon perlu memenuhi purata nilai gred kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 3.0 di dalam bidang yang diiktiraf iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik (STEM) dan Perakaunan.

Maklumat lanjut, sila layari laman sesawang *www.penangfuturefoundation.my*. Aplikasi atas talian dibuka dari 9 hingga 30 April 2015.

# KM umum RM12 juta bangun semula Pasar Awam Seberang Jaya

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING & AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Cadangan pembangunan semula Pasar Awam dan Kompleks Penjaja Seberang Jaya di atas sebidang tanah berkeluasan 4.5 ekar di sini sekaligus menyerlahkan kemampuan Kerajaan Negeri dalam memajukan infrastruktur awam di Parlimen Permatang Pauh.

Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, projek di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) itu dianggarkan menelan belanja RM12 juta.

"Kedudukan pasar awam dan pusat penjaja ini yang sangat strategik, iaitu, di tengah-tengah Bandar Seberang Jaya dan menjadi tumpuan bukan sahaja daripada kalangan penduduk Sebarang Jaya, malah dari luar daerah.

"Projek ini akan memberi imej baru kepada penduduk dan peniaga-peniaga di pasar awam dan pusat penjaja Bandar Seberang Jaya, dan, akan menjadi suatu tanda aras yang baru bagi pembinaan pasar-pasar awam dan kompleks penjaja di negeri Pulau Pinang," ujarnya pada sidang media di Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini baru-baru ini.





**PASAR Awam dan Kompleks Penjaja Seberang Jaya kini.**

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin, Dr. Norlela Ariffin (ADUN Penanti), Wong Hon Wai (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri), Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC), Dato' Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua MPSP), Dato' Mansor Othman (Pengarah Yayasan Islam Pulau Pinang) dan Omar Hassan (Ahli Majlis MPSP) antara pemimpin Kerajaan Negeri yang hadir pada sidang media tersebut.

Hadir sama, ADUN Kajang, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Menurut Guan Eng, daripada RM12 juta anggaran kos pemajuan itu, RM3.8 juta untuk pembinaan pusat awam dan kompleks penjaja, RM3.6 juta (pusat penjaja), RM2.6 juta (infrastruktur dan tapak parkir) dan RM2 juta (kos penempatan semula penjaja).

"Komponen pembangunan semula pasar awam dan kompleks penjaja ini terdiri daripada pasar awam berjumlah 163 unit, gerai penjaja (90 unit) dan tapak gerai luaran '*street mall*' (berkonsep terbuka) 220 unit.

"Dengan keseluruhan lot untuk peniaga adalah berjumlah 473 bilangan unit, ini menjadikan Pasar Awam dan Kompleks Penjaja Seberang Jaya adalah antara yang paling besar di Malaysia," ujar beliau yang Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Dalam pada itu, Rosli memberitahu, PDC akan mengeluarkan Surat Penyataan Hasrat (RFP) bagi projek itu dalam tempoh tiga bulan, dijangka mulai hujung bulan depan (Mei).

"RFP mungkin dalam tempoh dua hingga tiga bulan, sekarang kita (PDC) tengah buat persiapan dan mungkin akan panggil hujung bulan depan.

"Apa yang kita (PDC) tunjuk ini adalah garis panduan dan konsep umum projek rancangan ini," jelasnya kepada wartawan.

**LAKARAN grafik cadangan pembangunan semula.**







# Fokus Permatang Pauh



## Jumlah Pemohon didaftarkan sehingga 21 April 2015:

| Warga Emas | Ibu Tunggal | Anak Emas | Pelajar Emas | Ibu Emas | Siswa Emas |
|---|---|---|---|---|---|
| 12,478 | 1,259 | 5,650 | 15,354 | 5,499 | 339 |

**Jumlah Penerima Sumbangan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) di bawah Parlimen Permatang Pauh**

AES

101







SEKITAR Majlis Penyampaian Sumbangan Program Warga Emas Parlimen Permatang Pauh.





MAJLIS Sumbangan Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (Siswa Emas) Peringkat Seberang Perai Tengah.

### Program Pembaikan/Baiki/Baik Pulih Rumah Rakyat Termiskin Tahun 2015 Seberang Perai Tengah (SPT)

**RM 364,000 untuk 26 penerima**



CONTOH rumah diterima.



ADUN Permatang Pasir, Dato' Mohd. Salleh Man (kiri sekali) dan ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin (dua dari kiri) ditemani Pegawai Daerah SPT, Jusni Ismail (kanan sekali) menyerahkan replika kunci kepada salah seorang penerima.

### Program Sumbangan Biasiswa Kecil Pulau Pinang

**175 penerima seluruh Parlimen Permatang Pauh.**





PROGRAM Sumbangan Biasiswa Kecil Peringkat Negeri Pulau Pinang.

### Penyelenggaraan Jalan Kampung Tahun 2015 untuk Permatang Pauh (Fasa 1)

**Jumlah peruntukan : RM165,103.40**



Contoh: Jalan Sungai Derhaka (jalan alternatif ke Aeon Big, Seberang Jaya).

### Program Pembaikan/Naiktaraf Longkang Tahun 2015 untuk Permatang Pauh

**Jumlah peruntukan : RM110,000**



Contoh: Kerja pembaikan longkang Kampung Tok Elong, Penanti.

## Cadangan Projek Impak Tinggi:-

Projek mengurangkan risiko banjir di Kg. Tanah Liat Mukim 20/Taman Guru, Sg. Permatang Rawa, Daerah Seberang Perai Tengah membabitkan anggaran kos RM11.4 juta.



MAJLIS Pecah Tanah Projek Naiktaraf Sistem Saliran Taman Siakap bernilai RM 1.9 juta.



CONTOH Projek Tebatan Banjir yang telah siap.

## Program Bantuan Peralatan Tahun 2015 Daerah SPT

**Jumlah peruntukan : RM18,000 untuk 5 penerima**




LAWATAN ke kilang memproses keropok lekor di Penanti.



PERUNTUKAN RM600,000 untuk kerja-kerja mengecat semula Masjid Seberang Jaya.

## Projek Pengindahan Bulatan Bukit Tengah & Bulatan Jalan Siakap









RUPA bentuk bangunan Seberang Perai Arena bernilai RM11 juta yang merupakan 'hadiah' daripada Kerajaan Negeri atas perjuangan rakyat bersama-sama Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam memulihara sistem demokrasi negara.



ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin (dua dari kanan) menemani Dr. Wan Azizah Wan Ismail (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang kanak-kanak pada Majlis Tahlil dan Sumbangan Duit Raya Kepada Anak Yatim Parlimen Permatang Pauh.

MEMBAIK pulih dan mengecat semula Flat A1, A2 & A3 Jalan Tuna, Seberang Jaya.







AHLI Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman dan Dr. Afif Bahardin bersama-sama Datuk Seri Anwar Ibrahim pada program Ihya' Ramadan dan Majlis Berbuka Puasa Bersama-Sama Kepemimpinan Kerajaan Negeri Peringkat Seberang Perai tahun lalu.




DATUK Seri Anwar Ibrahim (kiri sekali) dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kanan) menyerahkan replika cek kepada salah seorang wakil penerima sambil diperhatikan Ketua Menteri pada Majlis Penyerahan Sumbangan Ihya' Ramadhan kepada Kariah Masjid Peringkat Negeri Pulau Pinang 1435H.

Menaiktaraf gelanggang futsal di Lebuh Tenggiri, Seberang Jaya & Taman Guar Perahu, Penanti.









# Anwar puji sumbangan An-Nahdhoh, KM memartabat Islam

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD & ZAINULFAQAR YAACOB**

**PENANTI –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, beliau akan mengeluarkan peruntukan sendiri untuk membiayai kos penaiktarafan jalan utama ke Madrasah An-Nahdhoh di sini.

"Kali ini, saya sendiri akan keluarkan peruntukan kerana institusi pendidikan ini dikenalpasti giat membantu Kerajaan Negeri dalam memartabatkan Islam," ujarnya pada Majlis Perasmian Naiktaraf Jalan Madrasah An-Nahdhoh & Projek Tebatan Banjir Kawasan Parlimen Permatang Pauh baru-baru ini.

Guan Eng turut memuji inisiatif Dr. Norlela Ariffin kerana gigih mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Pusat serta Kerajaan Negeri sejak diberi mandat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti pada Mei tahun lepas, sehingga berjaya memajukan serta mengurangkan risiko banjir di beberapa Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkenaan.

"Keseluruhan untuk (menangani risiko) banjir sahaja di KADUN Penanti, kita belanja RM5.6 juta, itu sebab Dr. Norlela kalau lihat saya dia senyum sahaja," seloroh Guan Eng.

Bercakap pada majlis sama, bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim memuji Guan Eng kerana berjaya menguruskan kewangan negeri hingga diiktiraf dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 Pulau Pinang baru-baru ini.

Menurut Anwar, Guan Eng sejak dimahsyurkan sebagai Ketua Menteri lebih enam tahun lepas dilihat konsisten dalam memartabatkan Islam serta mutu pendidikan di negeri ini.

"Dengan kemampuan kecemerlangan urus tadbir kewangan yang ditunjukkan di Pulau Pinang ini, kita (Pakatan Rakyat) boleh melakukan lebih baik lagi jika diberi mandat urus Putrajaya kelak," tegas Anwar yang juga bekas Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia.

Pengerusi Yasasan & Madrasah An-Nahdhoh, Tuan Guru Ustaz Mutalib Maarof pula dalam ucapannya melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas inisiatif menaiktaraf jalan ke pusat pengajian komuniti Islam di sini.

"Jalan ini sebenarnya bukan sahaja digunakan oleh pelajar dan orang kampung yang datang mengaji di sini, malah, (turut digunakan) oleh penduduk setempat, petani, peniaga dan sebagainya.

"Semoga dengan inisiatif Kerajaan Negeri membuka (membaikpulih) jalan ke pusat pengajian ilmu agama di sini, Allah membuka pintu hidayah dan jalan kita ke syura kelak," ujar Mutalib.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) merangkap ADUN Permatang Pasir, Dato' Mohd. Salleh Man turut berucap pada majlis tersebut.



KETUA Menteri beramah-mesra dengan Anwar Ibrahim pada majlis berkaitan sebelum ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Dr. Afif Bahardin (ADUN Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) dan Dato' Mansor Othman (Pengarah Yayasan Islam Pulau Pinang, YIPP merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal).

Dalam perkembangan berasingan, Anwar mengingatkan pemimpin Kerajaan Pusat supaya tidak terus menyalahguna kuasa, boros serta rasuah dalam menguruskan kewangan negara.

Katanya, rakyat akhirnya dibebankan dengan pelbagai cukai barangan dan perkhidmatan (GST) serta kenaikan harga minyak disebabkan kerajaan gagal menguruskan kekayaan negara secara berhemat.

Menurut Anwar, Al-Quran sendiri jika dihayati sebenarnya banyak menuntut pemimpin negara menguruskan kekayaan negara sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Nabi Yusof A.S. semasa diamanahkan untuk menjadi Menteri Kewangan Mesir suatu ketika dulu.

"Saya harap agar nas-nas Al-Quran dapat digunakan secara realiti terutamanya dari segi ekonomi, kekayaan dan pembangunan.

"Janganlah kekayaan itu berlegar dalam kalangan mereka yang kaya sahaja," tegas Anwar dalam Program Ijtimak Al-Huffaz Peringkat Negeri Pulau Pinang 1436H/2014M di sini baru-baru ini.

Anwar turut mensyarahkan maksud ayat 7 daripada Surah Al-Hasyr, yang bermaksud, "Supaya perbendaharaan Negara tidak berlegar dikalangan orang-orang kaya di kalangan kamu..."

Majlis sumbangan tunai RM500 seorang Kerajaan Negeri kepada 471 *huffaz* atau penghafal-penghafal al-Quran yang keseluruhan berjumlah RM235,500 tersebut turut disaksikan oleh Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor.

## RM1.6 juta bina bangunan baru SAR, Anwar puji P. Pinang

**PENANTI –** Kerajaan Negeri menerusi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) meluluskan peruntukan RM1.6 juta bagi membina bangunan tiga tingkat baru Sekolah Agama Rakyat (SAR) Maahad Tarbiyyah yang terdiri daripada enam bilik darjah serta dewan serba guna di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam ucapannya memuji pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kerana fokus pada pembangunan pendidikan, selain, giat mengembangkan potensi ekonomi negeri.



ANWAR Ibrahim (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan pendidikan kepada pelajar terpilih sambil diiringi Dr. Norlela Ariffin (kiri sekali), Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kanan) dan Mansor Othman.

"Selepas Kerajaan Negeri diperintah oleh Y.A.B. Ketua Menteri, saya dimaklumkan peruntukan untuk SAR baru ada, sebelum itu semua disekat sungguhpun anak-anak kita sangat perlu bantuan serta infrastuktur pendidikan seumpama ini.

"Walau apapun perbezaan politik di peringkat pentadbiran, saya puji Y.A.B. Ketua Menteri kerana fokus pada pemberian pelbagai insentif pendidikan tanpa mengira kaum dan kepercayaan," ujarnya dalam ucapan perasmiannya, sebelum menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Pembangunan Bangunan SAR Maahad Tarbiyyah di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon berucap mewakili Guan Eng, manakala, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berucap mewakili Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna).

Hadir sama, Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor, Datuk Sazali Hussein (Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, JHEAIPP) , Datuk Mansor Othman (Pengerusi Yayasan Islam Pulau Pinang merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal), Dr. Norlela Ariffin (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Penanti) dan Ustaz Ibrahim Mat (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan SAR Maahad Tarbiah).

Dalam perkembangan lain, Anwar turut menyokong hasrat pentadbiran Guan Eng memohon Kerajaan Pusat membiayai pemajuan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Tamil pertama di Malaysia di atas sebidang tanah dekat kawasan Parlimen Bagan yang akan disumbangkan oleh Kerajaan Negeri sendiri.

"Kerajaan Pusat sepatutnya tidak perlu menolak permohonan ini kerana ini pendidikan untuk anak-anak kita, baik berbangsa India atau beragama Islam...ini Malaysia, yang lebih adil," tegas Anwar yang juga Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia di depan hampir 300 hadirin.

Difahamkan, Kerajaan Negeri hari ini sejak tahun 2009 hingga sekarang meluluskan peruntukan antara RM1.5 juta hingga RM1.75 juta kepada 102 SAR di negeri ini.

Sebelum itu, Anwar menjelaskan, jawatankuasanya hampir putus asas kerana permohonan pemajuan SAR itu daripada pihak berwajib pada era 1980-an dan 1990-an beberapa kali gagal.

Bagaimanapun, beliau melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri hari ini atas kelulusan permohonan tersebut.

## SPA 'hadiah' untuk Anwar, pengundi Permatang Pauh

**SEBERANG JAYA –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata pembangunan SPA atau Seberang Perai Arena bernilai RM11 juta yang siap dibina di sini baru-baru ini merupakan 'hadiah' daripada Kerajaan Negeri atas perjuangan rakyat bersama-sama bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam memulihara sistem demokrasi negara.



RUPA bentuk SP Arena.

Katanya, Anwar dianggap sanggup mengorbankan diri hingga disabitkan bersalah lalu dipenjara sejak 10 Februari lepas demi mempertahankan prinsip perjuangan rakyat dalam melawan rasuah, pemborosan, ketirisan serta penyelewengan kuasa di sini.

"Inilah 'hadiah' dalam bentuk pembangunan untuk manfaat rakyat dan bukan untuk kepentingan diri sendiri.

"Sungguhpun beliau (Anwar) tidak dapat merasmikan SPA ini, beliau akan senantiasa dalam kenangan atas jasa dan baktinya kepada pengundi Permatang Pauh," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada Majlis Pelancaran Pembukaan SPA di sini baru-baru ini.

Isteri Anwar, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kajang, Selangor turut hadir.

Hadir sama, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang dan isteri, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan isteri, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, para Exco Kerajaan Negeri serta beberapa wakil rakyat lain.

Menurut Guan Eng, projek dibiayai sepenuhnya oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) tersebut berkonsepkan komuniti di atas sebidang tanah berkeluasan 6.9 ekar, termasuk 25,000 kaki persegi dewan bankuet serta arena sukan.

Tambahnya, dewan bankuet berhawa dingin itu boleh menampung 100 meja jamuan atau 1,000 orang dalam satu-satu masa.

Itu, jelas beliau, tidak termasuk ruang luar yang boleh memuatkan sehingga 300 orang.

Selain memenuhi acara keraian, Guan Eng memberitahu, SPA juga turut dilengkapkan dengan pejabat dan bilik-bilik mesyuarat, bilik AV, dewan tertutup dengan pentas, dua gelanggang untuk permainan futsal atau bola keranjang serta enam gelanggang badminton.

Malah, beliau memberitahu, SPA turut menyediakan 491 parkir kereta, parkir bas (7) dan tempat letak motosikal (77).

"Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada PDC yang telah menggunakan kepakaran dalamannya, melalui anak syarikatnya sendiri iaitu PDC Consultancy Sdn. Bhd. untuk merekabentuk projek Seberang Perai Arena ini," ujar Guan Eng.

# Ketua Briged Wanita sebagai jawatankuasa tambahan JKKK

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



MOHD. Rashid Hasnon (barisan depan, berbaju putih) bergambar kenangan bersama-sama barisan JKKK yang hadir pada penganjuran Kursus Penyediaan Profil Komuniti Pemantapan dan Pengukuhan JKKK 2015 Daerah Timur Laut di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon menyatakan bahawa beliau sedia menerima dan melakukan pembaharuan dinamik demi memantapkan organisasi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) seiring dengan peredaran masa.

Berucap pada Majlis Perasmian Kursus Penyediaan Profil Komuniti Pemantapan dan Pengukuhan JKKK 2015 Daerah Timur Laut, Mohd. Rashid turut memuji usaha beberapa JKKK yang sudah dilihat ke hadapan selaras dengan kemajuan teknologi maklumat.

"Penyediaan profil ini, kita lihat, merupakan suatu mekanisme yang positif dalam menyediakan data-data sesuatu komuniti seperti komposisi kaum, jumlah rumah ibadat, keluarga kurang mampu, orang kurang upaya (OKU) dan segala maklumat yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri untuk penyaluran bantuan serta demi kepentingan kebajikan rakyat.

"Saya ingin memuji barisan JKKK yang ada, kerana anda semua sanggup bekerja secara sukarela dengan tekun dan rajin walaupun anda tidak dibayar gaji seperti pekerja-pekerja lain (hanya elaun)," ucap beliau di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, bagi memperkasakan organisasi tersebut, Mohd. Rashid kini menggalakkan setiap JKKK supaya cuba mencipta aplikasi sendiri bagi memudahkan orang awam mengetahui keistimewaan sesebuah komuniti setempat berkaitan.

"Kita ambil contoh sekiranya pelancong asing *google* mengenai tempat pelancongan atau makanan yang lazat, di situ dia (pelancong) boleh jumpa maklumat berkenaan tarikan di kawasan JKKK berkaitan dan terus menghubungi ahli-ahli jawatankuasa terbabit bagi memudahkan pencarian," ujar beliau.

Menurutnya, pihaknya kini berada pada peringkat akhir bagi mensyaratkan pelantikan Ketua Briged Wanita untuk diserapkan dalam 15 jawatankuasa JKKK bagi setiap kawasan di sini.

"Maknanya, sekarang kita punyai 15 orang JKKK yang dilantik, dengan penambahan seorang Ketua Briged Wanita, ia akan menjadikan jumlah keseluruhan seramai 16 orang.

"Pelaksanaan tersebut juga selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memperbanyakkan penglibatan golongan wanita di dalam aktiviti-aktiviti di sini," jelas Mohd. Rashid.

# Naiktaraf Kompleks Makanan Padang Brown, fasa akhir

Gambar : **ALISSALA THIAN**



CHOW Kon Yeow (kanan sekali) bersama-sama pegawai-pegawai Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada sesi lawatan kerja ke Kompleks Makanan Taman Brown Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

**KOMTAR –** Seramai 54 pemilik lot gerai Kompleks Makanan Taman Brown Datuk Keramat kini mampu menarik nafas lega setelah projek naiktaraf lokasi makanan popular berkenaan mencapai kemajuan kerja 95.90 peratus.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow yang mengadakan lawatan tapak ke lokasi berkaitan berkata, projek menaiktaraf kompleks makanan tersebut memasuki fasa akhir merangkumi pembinaan tandas, surau, bilik menyusu, laluan basikal serta landskap.

"Projek bernilai RM2,620,110.40 ini melibatkan perobohan bangunan lama, pembinaan lot kedai sementara dan mendirikan binaan baru bagi kemudahan dan keselesaan peniaga di sini.

"Oleh demikian, terdapat beberapa kelewatan berlaku. Namun, kita (Kerajaan Negeri) percaya pihak kontraktor, Arza Aktif Enterprise akan berjaya mematuhi lanjutan masa (EOT) diberikan," ujarnya di sini baru-baru ini.

Jadual asal siap naiktaraf kompleks terbabit adalah pada 31 Mac 2015.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng.

Menurut Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota, antara sebab-sebab munasabah EOT diberikan adalah berkenaan skop kerja penambahbaikan iaitu tambahan tempat makan di hadapan gerai, depo sampah tertutup (depo sampah sedia ada terbuka yang dianggap tidak bersih).

"Punca kedua adalah berkenaan kelewatan pemindahan para peniaga dari lot kedai sementara ke lot kedai baru.



RUPA bentuk Kompleks Makanan Taman Brown Datuk Keramat yang dalam fasa akhir untuk disiapkan.



# Petani terima input pertanian & bantuan bencana

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Kebun sayur-sayuran Kampung Taman Baru seluas 71.1 ekar yang musnah dek hujan ribut di sini baru-baru ini dianggarkan mengalami kerugian kira-kira RM40,000.

Justeru, Exco Pertanian & Industri, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, Kerajaan Negeri akan memberi sumbangan dalam bentuk insentif tunai dan dua kampit baja yang setiap satu seberat 100 kilogram (kg) kepada semua 39 mangsa bencana tersebut.

"Saya diberitahu, (sambaran) kilat (mengakibatkan) rumah pam itu rosak, kemudiannya penuh air (di kawasan kebun sayur) di sini.

"Kita (Kerajaan Negeri) harap, sumbangan ini dapat mengurangkan beban kerugian yang terpaksa ditanggung oleh 39 petani ini," ujarnya yang juga ADUN Seberang Jaya sebelum menyempurnakan acara sumbangan berwajib pada Majlis Penyerahan Insentif Input Pertanian dan Bantuan Bencana Banjir di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Pangarah Jabatan Pertanian Pulau Pinang, Ahmad Munir Yusoff memberitahu, direkodkan, seseorang petani boleh mengaut keuntungan kasar sehingga RM7,000 bagi tiap-tiap hektar kebun sayur di sini.



ANG Hung Khim.



SAIDIN Saad.

Manakala, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kajang, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail pula memberitahu bahawa Kerajaan Negeri wajar dipuji kerana dilihat senantiasa memelihara keselamatan makanan (*food security*) melalui usaha mengembangkan potensi Tapak Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di negeri ini.

"Kalau ada sebanyak mana duit sekalipun, tetapi tiada bekalan makanan, sebenarnya tidak bermakna juga untuk rakyat.

"Ini menunjukkan betapa pentingnya bekalan makanan untuk hidup kita, dan *food security* ini penting untuk kita jaga," jelas Wan Azizah dalam ucapannya.

Dalam pada itu, penerima, Saidin Saad, 66, mengaku bahawa beliau boleh mendapat untung kasar kira-kira RM14,000, sekiranya kebun sayur kangkung, bayam dan tebu seluas dua ekar yang diusahakannya tidak musnah dek bencana baru-baru ini.



**DR. Wan Azizah Wan Ismail (kanan sekali) berjabat tangan selepas menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan Dr. Afif Bahardin (dua dari kanan) pada Majlis Penyerahan Insentif Input Pertanian dan Bantuan Bencana Banjir di sini baru-baru ini.**

"Kalau sehari mungkin tak rosak, tetapi, apabila sayur-sayuran tenggelam sampai dua hari, maka rugi banyak," jelas Saidin sambil merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas pemberian sumbangan insentif tersebut.

Nada yang sama turut diluahkan Ang Hung Khim, 66.

"Walaupun bantuan tak banyak kita minta daripada ADUN (Dr. Afif), tetapi, dapatlah mengurangkan kerugian, kira-kira RM1,000," ujar Hung Khim.

ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon dan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang turut hadir pada majlis tersebut.

## Ladang pisang musnah akibat ribut dapat perhatian Exco

**PERMATANG PAUH –** Kira-kira 2,000 pokok pisang di sebuah ladang separa organik dekat Kubang Hulu di sini yang musnah dipukul bencana ribut baru-baru ini mendapat perhatian Kerajaan Negeri.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Pulau Pinang akan menyalurkan input bantuan seperti anak pokok, baja dan sebagainya kepada pengusaha-pengusaha ladang tersebut.

"(Bentuk bantuan) ini lebih pada teknikal dan input-input melalui Jabatan Pertanian, (maka) kita harap dapat mengurangkan kos kerugian yang terpaksa ditanggung pengusaha ladang ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya ketika mengadakan lawatan ke lokasi kejadian di sini baru-baru ini.

Turut hadir, ADUN Permatang Pasir merangkap Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man, Pegawai Jabatan Pertanian Negeri bagi Daerah Seberang Perai Tengah, Abd. Rahman Hassan dan Nurul Iman Anwar, iaitu anak kelima kepada bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Mohd. Salleh, pihaknya turut akan menyumbang bantuan 'bencana kecil' dalam bentuk wang kepada pengusaha-pengusaha ladang organik berkenaan.

Sebelum itu, Pengusaha, Ng Yong Loh, 50, memberitahu bahawa kesemua 4,100 pokok ditanam di ladang organik tersebut dan kira-kira 2,000 pokok yang telahpun berbuah muda tumbang akibat bencana ribut.

"Jun tahun lepas baru ambil (kutip hasil buah pisang), kali ini tak ambil lagi sebab tak cukup 10 bulan lagi.

"Anggaran kerugian hampir RM150,000, kalau pokok baru boleh dapat (satu tandan pisang) seberat 20 hingga 30 kilogram dan harga (borong) RM2.50 sekilogram," jelas Yong Loh.

Yong Loh merupakan pengusaha bersama dengan dua rakan lain, Ng Joo Ping, 31, dan Choo Shin Seong, 40.

Dalam perkembangan lain, bencana ribut pada hari kejadian turut memusnahkan ladang pisang lain di Ara Kuda dalam Kawasan Parlimen Tasek Gelugor.



**DR. Afif Bahardin (paling kiri) diiringi Mohd. Salleh Man (dua dari kiri) meninjau ladang pisang separa organik dekat Kubang Hulu dalam Kawasan Parlimen Permatang Pauh yang dilanda bencana ribut baru-baru ini.**



**NG Yong Loh (tengah) bersama-sama dua rakan kongsinya, Ng Joo Ping (kiri) dan Choo Shin Seong (kanan) menunjukkan kawasan ladang pisang separa organik yang dilanda ribut.**

# RM1 juta naiktaraf kemudahan Taman Seri Damai – KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BATU LANCHANG –** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM11.3 juta bagi membiayai kerja-kerja menaiktaraf dan memperbaiki kemudahan secara berperingkat di 49 rancangan perumahan Kerajaan Negeri melibatkan 15,431 unit rumah di sini.

"Usaha ini diteruskan lagi tahun ini dengan peruntukan berjumlah RM15.11 juta termasuk penyelenggaraan, pengecatan, pemodenan lif dan penggantian tangki air.

"Di Taman Seri Damai, bagi kerja-kerja penggantian tangki air, 80 peratus kos penyelenggaraan dibiayai Kerajaan Negeri melalui tabung penyelenggaraan HAPPY! (Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang) iaitu sebanyak RM137,680.

"Manakala, baki 20 peratus lagi atau RM34,420, ditanggung Danny Law (Heng Kiang) selaku ADUN kawasan dan Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi (Chuan Aun) menerusi peruntukan pembangunan kawasan. Penduduk tidak perlu mengeluarkan satu sen pun kerana 20 peratus bahagian penduduk telah dibiayai," katanya pada Majlis Perasmian Pembukaan Lif Baru di Blok 23, Taman Seri Damai di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang, Law Heng Kiang, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ong Ah Teong serta Harvindar Singh, Penghulu Jelutong, Khalid Zakaria dan Pengerusi Perbadanan Pengurusan Taman Seri Damai, Salleh Yahaya.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu bahawa Kerajaan Negeri membelanjakan hampir RM1 juta sejak enam tahun lalu bagi menaiktaraf kemudahan lif di tiga buah blok 16 tingkat, flat Taman Seri Damai, Batu Lanchang di sini.

"Perbelanjaan RM1 juta tersebut termasuk penggantian lif di tiga blok iaitu Blok 25, Blok 21 dan Blok 23 serta pembaikan dan penggantian tangki air di Blok 25 dan Blok 21.

"Sebelum ini, pada tahun 2011 dan 2012, dua lif di Blok 25 dan Blok 21 telah ditukar baru dengan kos RM153,330 setiap satu. Tahun ini pula, melibatkan penggantian lif di Blok 23 yang juga melibatkan kos RM153,330 seunit.

"Manakala, bagi tangki air, penggantian sebelum ini adalah pada tahun 2012 di Blok 25 dengan kos RM162,400 dan tahun ini (penggantian tangki) melibatkan Blok 21 dengan kos RM172,100 seunit," jelasnya.

Bagi Heng Kiang, pembukaan lif baru di Blok 23 di sini menjadi suatu sejarah, kerana buat pertama kalinya sejak 2005, enam unit lif di ketiga-tiga blok berfungsi sepenuhnya.

"Sebelum Pakatan Rakyat mengambil alih tampuk pentadbiran, lif-lif yang rosak sejak bertahun-tahun lamanya tidak dapat diganti baru.

"Penduduk terpaksa menggunakan tangga dan paling teruk, warga emas terpaksa didukung untuk naik ke rumah mereka," ujar beliau.

Heng Kiang yang juga merupakan Exco Pembangunan Pelancongan berkata, beliau memperuntukkan sejumlah RM20,000 untuk menaiktaraf dewan dan RM29,380 bagi membiayai kos pemasangan peti surat baru di kesemua blok di Taman Seri Damai pada tahun lalu.

Flat kos rendah Taman Seri Damai mempunyai tiga blok iaitu Blok 21, 23 dan 25 dengan kepadatan 570 unit.



**KETUA Menteri, Law Heng Kiang (tiga dari kiri), Jagdeep Singh Deo (tiga dari kanan) dan barisan tetamu kehormat merakam kenangan pada Majlis Perasmian Pembukaan Lif Blok 23 Taman Seri Damai di sini baru-baru ini**



**SEBAHAGIAN penduduk yang hadir menyaksikan majlis bersejarah berkenaan.**

# 4 projek tebatan banjir di SPT dalam tempoh 5 tahun – Exco

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**MACHANG BUBOK –** Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang memajukan projek tebatan banjir yang membabitkan belanja kira-kira RM14 juta di sini dijangka siap pada awal tahun depan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, projek pemajuan tersebut diharap dapat mengurangkan risiko banjir untuk penduduk serta pengguna jalan raya setempat, khususnya di Taman Usaha dekat Machang Bubok dan Permatang Tinggi dekat Bukit Mertajam.

"Projek ini dijadualkan siap pada suku pertama tahun depan.

"Kami berharap projek ini, yang telah pun bermula, akan meningkatkan aliran air dan mengurangkan banjir di kawasan yang terlibat," katanya yang juga ADUN Padang Kota kepada wartawan, semasa melawat tapak pemajuan di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon, Mohammad Anuar Abdul Nasir (jurutera JPS) dan Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) serta Ho Leng Hong (Ahli Majlis MPSP) turut menyertai lawatan tapak tersebut.

Menurut Kon Yeow, pemajuan tersebut terdiri oleh penarafan rumah pam sedia ada di Permatang Tinggi yang menelan belanja RM6.7 juta dan pembinaan saluran pintasan *(bypass channel)* sepanjang 4.8 kilometer dari Taman Impian di sini ke longkang utama sedia ada, yang menelan kos RM8 juta.



**CHOW Kon Yeow (dua dari kanan) diberi taklimat berwajib oleh Mohammad Anuar Abdul Nasir (paling kanan) mengenai projek tebatan banjir di Permatang Tinggi sempena sesi lawatan beliau di sini baru-baru ini.**

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan memajukan empat lagi projek serupa di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dalam tempoh lima tahun ini.

"Dengan bajet kira-kira RM53.5 juta, projek itu dari Kampung Tanah Liat ke Taman Guru (RM11.5 juta), Padang Lalang ke Kampung Permatang Rawa (RM11 juta), Bukit Tengah ke Taman Desa Daman dan Jalan Medan Tembikai (RM19 juta) dan Taman Mangga ke Jalan Juru (RM12 juta).

"Kerja-kerja adalah termasuk meluaskan parit, memperbaiki sistem aliran air dan menaiktaraf pam air," jelasnya.



**LOKASI projek tebatan banjir yang sedang berjalan.**

# Mangsa kemalangan dapat prihatin Kerajaan Negeri



**PROF. Dr. P. Ramasamy (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada K. Daivaani (lima dari kiri) sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.**

**SUMBANGAN...** Prihatin dengan tragedi yang menimpa keluarga mangsa kemalangan langgar lari, S. Nanthakumar, 28, Kerajaan Negeri tampil menyumbangkan sumbangan bernilai RM11,000 kepada beliau.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang mewakili pihak Kerajaan Negeri menyampaikan sumbangan berkaitan pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir menerima, isteri mangsa, K. Daivaani, 28, serta anak-anaknya.

Menurut Ramasamy, Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang (HEB) menyumbang sebanyak RM10,000, manakala baki RM1,000 lagi diderma secara berkelompok oleh Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan merangkap ADUN Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo, Ramkarpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor), R.S.N. Rayer (ADUN Seri Delima) dan A. Tanasekharan (ADUN Bagan Dalam).

# KM syor PIBG rayu GST dikecuali pemajuan infrastruktur sekolah

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Semua Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru (PIBG) bagi 20 sekolah mubaligh yang dipilih menerima sumbangan pendidikan berjumlah RM1,175,000 daripada Kerajaan Negeri baru-baru ini disyor menghantar memorandum bersama bagi merayu pengecualian Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) ke atas semua projek pembangunan infrastruktur di sekolah masing-masing.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, langkah itu wajar memandangkan Putrajaya sebelum ini telahpun menggambarkan bahawa sektor pendidikan awam tidak akan dikenakan 6 peratus GST mulai 1 April lepas.

"Kerajaan Negeri yang melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan awam pun turut dikenakan 6 peratus GST yang membebankan, dan ini tidak adil.

"Kamu (Kerajaan Pusat) tidak boleh memberi kepada kami dana bantuan sebagaimana dilakukan oleh Kerajaan Negeri hari ini, itu tidak merisaukan, tetapi, janganlah diambil cukai (6 peratus GST) daripada projek pemajuan infrastruktur pendidikan di sekolah-sekolah mubaligh kami.

"Maka, saya ingin mencadangkan semua sekolah mubaligh bergabung secara bersama dan cuba untuk menghantar satu memorandum kepada Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri untuk mengelak GST ini," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap ADUN Air Putih pada Majlis Penyerahan Cek Replika Dana Sumbangan Pendidikan Kepada Sekolah-Sekolah Mubaligh Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Hal Ehwal Sekolah Cina & Mubaligh Pulau Pinang.

Tambah Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam, bantuan pendidikan kepada sekolah agama bantuan Kerajaan Negeri, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, serta sekolah aliran mubaligh diagihkan berdasarkan keperluan berwajib tanpa mengira warna kulit dan kepercayaan.

Difahamkan, Kerajaan Negeri sejak tahun 2010 memperuntukan RM850,000 kepada sekolah-sekolah mubaligh, diikuti, RM1,217,000 (2011), RM1,282,500 (2012), RM1,279,000 (2013), RM1,064,000 (2014) dan terbaru RM1,175,000 (2015).

**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama sebahagian penerima sumbangan Majlis Penyampaian Cek Peruntukan Bantuan Kewangan Kerajaan Negeri kepada Sekolah-sekolah Tamil 2015 di sini baru-baru ini.**




# Bantuan pembangunan sekolah Tamil diteruskan

**DITERUSKAN...** Inisiatif pemberian bantuan kewangan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Pulau Pinang sejak tahun 2009 diteruskan dengan jumlah sumbangan RM1.75 juta.

Bantuan kewangan itu disalurkan kepada 28 buah SJKT di Pulau Pinang untuk pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan kemudahan prasarana di sekolah termasuk pembinaan dewan sekolah, pondok bacaan, pondok menunggu dan setor alatan sukan.

Penyampaian bantuan disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Penyampaian Cek Peruntukan Bantuan Kewangan Kerajaan Negeri kepada Sekolah-sekolah Tamil 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II selaku Exco Pendidikan), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Batu Uban, Dr. T. Jayabalan dan A. Tanasekharan (ADUN Bagan Dalam).

Turut hadir, Datuk Dr. K. Anbalakan yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Khas Sekolah-sekolah Tamil Negeri Pulau Pinang.



# Ucapan perbahasan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

**SEKALI** lagi, Dewan yang mulia ini dihadapkan dengan keputusan yang amat berat dan genting dalam bentuk Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015.

Akta yang dicadangkan ini tidak boleh diambil ringan apabila jelas terdapat peruntukan-peruntukan yang bercanggah dengan lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan, menghina dasar pengasingan kuasa serta melanggari prinsip keadilan asasi (natural justice). Oleh itu, Rang Undang-undang ini wajib dibahas dari segenap aspek dan bukan sekadar dari sisi teknikalnya.

**Daesh dan ideologi radikal**

Tuan yang dipertua,

Rang undang-undang ini dibentangkan lantaran meningkatnya ancaman militan dan keganasan, khasnya fenomena IS (Islamic State) ataupun Daesh (ad-Dawlah al-Islamiyah fil-Iraq wash-Sham) yang kelihatannya semakin menarik sebahagian rakyat Malaysia untuk bertempur di medan perang negara asing.

Menurut laporan-laporan media, negara "Khalifah Islam" ini berjaya mengumpulkan bala tentera yang terdiri daripada antara 13,000 hingga 20,000 pejuang "jihad" sukarelawan asing. Berdasarkan kertas putih Kerajaan Persekutuan yang dibentangkan di Parlimen tahun lepas, terdapat 39 orang rakyat Malaysia yang telah menyertai peperangan di Syria dan Iraq setakat 13 November 2014, sementara 40 orang lagi berjaya diberkas. Malangnya, minat terhadap Daesh ini terus meningkat sehinggakan seorang gadis berusia 14 tahun boleh terjebak. Mujur, beliau sempat ditahan oleh pihak polis sebelum berlepas ke Mesir pada bulan Februari tahun ini.

Situasi seperti ini tidak pernah dibayangkan di negara kita, tetapi dengan ketersediaan teknologi dan media sosial yang begitu menyeluruh rangkaiannya pada hari ini, peperangan di Asia Barat yang mungkin dahulunya hanya sekadar segmen berita pada lewat malam kini menjadi sesuatu yang lebih dekat dan boleh dicapai. Malahan, sesiapa yang ingin melibatkan diri hanya memerlukan akaun Facebook dan kemampuan untuk membeli tiket penerbangan. Semudah itu!

Persoalannya, adakah kita benar-benar memahami dinamik gerakan pengganas dan ideologi radikal abad ke-21 ini, dan bagaimanakah boleh kita membendung motivasi mereka?

**Akta ini tidak akan membendung keganasan**

Tuan yang dipertua,

Saya tidak akan membahaskan perincian Rang Undang-undang ini dengan terlalu mendalam kerana ramai yang akan melakukanya. Bagaimanapun, dari perspektif penggubalan dasar, saya ingin menekankan bahawa adalah berbahaya jika kerajaan beranggapan masalah keganasan ini dapat diselesaikan dengan pengembalian kuasa menahan tanpa bicara.

Cuba bayangkan, undang-undang yang bertujuan untuk menangkap suspek pengganas ini hanya akan berhasil sekiranya pihak polis mampu mengesan mereka terdahulu. Pun begitu, masalah pokok tidak terselesai dan sudah pun ternyata bahawa penangkapan beberapa orang suspek tidak akan membendung hasrat rakan-rakan mereka yang sehaluan. Malah, mereka hanya akan mencari helah yang lebih licik untuk mengelakkan pihak berkuasa.

Hakikatnya, penggunaan undang-undang yang bersifat mengharamkan dan menekan hanya akan mengasak mereka yang berpotensi untuk melibatkan diri dalam gerakan pengganas untuk bersembunyi dan bergerak secara senyap di bawah tanah.

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

Kesimpulannya, usaha menangani ancaman pengganas ini tidak akan berjaya melalui pendekatan undang-undang semata-mata. Cabaran abad ke-21 tidak boleh diselesaikan dengan pendekatan abad ke-20. Apa yang kita perlukan adalah perdebatan rasional dan berpaksikan idea untuk merubah fikiran. Dalam erti kata lain, kita perlu memerangi keganasan dengan pencerahan masyarakat melalui pendidikan dan keterbukaan wacana.

Kita harus melawan idea dengan idea, hujah dengan hujah!

**Diam bererti merestui pelampau**

Tuan yang dipertua,

Sekiranya kita ingin menangani gejala keganasan, kita harus terlebih dahulu mengambil jalan tengah kesederhanaan dan berhenti daripada menyokong sebarang gerakan dan ideologi melampau. Sementara kebebasan bersuara harus dipertahankan, namun ia tidak harus melangkaui perbuatan jenayah. Ugutan merogol dan membunuh, sebagaimana yang diterima oleh penyampai BFM Aisyah Tajuddin, wajib dikecam dan diambil tindakan tegas.

Pihak berkuasa tidak boleh berdolak-dalik dan bersikap dwi-standard mengenai perkara ini. Apabila catatan lain di Facebook yang kononnya bersifat hasutan atau mencemuh sesetengah pemimpin dapat dikesan dengan segera dan ditangkap penulisnya, mengapakah masih tidak ada sesiapa yang ditangkap atas ugutan-ugutan jenayah terhadap Aisyah? Adakah ia kerana beliau ini seorang wanita, atau tidak berpangkat, atau tidak bersehaluan dengan agenda pihak berkuasa?

Sikap pasif agensi kerajaan dan pihak polis terhadap ancaman sebegini boleh diterjemahkan sebagai sokongan dan restu terhadap tindakan melampau. Sekiranya dibiarkan, keganasan dan sifat melampau akan dilegitimasikan.

Maka, adalah perlu untuk Kerajaan menunjukkan sikap yang tegas dan jelas bagi mencabar naratif golongan pelampau. Sementara ugutan-ugutan jenayah harus dibendung dengan serta merta, pemikiran masyarakat secara umum harus juga dirubah dan dididik melalui perbincangan awam.



ZAIRIL Khir Johari ketika perbahasan di Parlimen.

Ini bermaksud perbezaan pandangan dalam soal ideologi, mazhab atau sistem moral harus diraikan dan dibenarkan selagi ia tidak berunsurkan ugutan atau intimidasi jenayah. Malangnya, Kerajaan memilih sikap yang berbeza. Ambil sebagai contoh layanan terhadap golongan Syiah di negara ini. Mereka ditahan dan dilabel sebagai sesat dan menyimpang. Malah ada yang dikafirkan. Hakikat ini sangat malang, sedangkan tradisi keilmuan Islam tidak pernah memilih untuk menggunakan kekerasan terhadap mazhab yang berbeza. Sebaliknya, perbahasan teologi harus digunakan untuk membidas hujah.

Sikap keterbukaan dan kesederhanaan ini sangat penting untuk menangani keganasan kerana ekstremisme hanya berlaku apabila seseorang itu disogokkan dengan ideologi semata-mata tanpa memeriksa kebenarannya. Dalam keadaan masyarakat yang tidak terbuka dan sekadar pak turut yang tidak berani mempersoalkan kebenaran, maka tidak hairanlah jika lebih ramai lagi turut terpedaya dengan pemikiran radikal dan melampau.

**Rang Undang-undang ini tidak boleh diterima**

Tuan yang dipertua,

Dalam usaha menggubal undang-undang, adalah wajib kita memastikan ia tidak bercanggah dengan teras-teras Perlembagaan Persekutuan, konvensyen antarabangsa serta prinsip keadilan asasi.

Sebagai contoh, Resolusi 2178 (2014) Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang dianggotai negara kita dengan jelas menyatakan bahawa "sebarang langkah yang diambil untuk menangani keganasan harus mematuhi semua kewajipan di bawah undang-undang antarabangsa, khususnya undang-undang hak asasi manusia, pelarian antarabangsa, dan kemanusiaan antarabangsa," serta "menekankan bahawa menghormati hak asasi manusia, kebebasan asasi dan kedaulatan undang-undang adalah saling melengkapi dan saling memperkukuh dengan langkah memerangi keganasan yang berkesan...."

Jelas, Rang Undang-undang yang dibentangkan ini tidak menghormati teras-teras tersebut. Umpamanya, tiada peruntukan untuk memastikan suspek yang direman akan dimaklukan alasan-alasan penangkapannya, sementara hak untuk dibela oleh pengamal undang-undang juga tidak dijamin. Ini jelas bercanggah dengan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan berkenaan kebebasan diri dan Perkara 8 yang menjamin kesemarataan di sisi undang-undang.

Prosedur untuk membawa suspek kepada Majistret juga kelihatan sekadar ilusi pengawasan kehakiman, memandangkan Majistret tidak mempunyai budi bicara untuk menentukan penahanan dan secara praktikalnya perlu bersetuju dengan pihak polis dan Pendakwa Raya. Pada masa yang sama, kuasa semakan kehakiman juga disingkirkan, lantas mencabuli doktrin suci pengasingan kuasa.

Tambahan pula, tampaknya terdapat keraguan dan kekaburan dalam Rang Undang-undang ini di mana ungkapan "aktiviti politik" dan "kepercayaan politik" tidak dijelaskan dengan terperinci dan terbuka untuk penyalahgunaan. Memandangkan rekod prestasi penyalahgunaan kuasa oleh Kerajaan, sudah tentu kekhuatiran timbul bahawa undang-undang baru ini juga akan menjadi alat untuk memajukan kepentingan politik parti pemerintah. Hakikat ini sudah pun terbukti dengan sejarah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 dan Akta Hasutan 1948. Kedua-dua undang-undang ini telah digubal untuk membendung ancaman komunis, namun pelaksanaanya telah melihat penangkapan dan penahanan ahli politik, akademik, wartawan dan aktivis sosial. Apakah jaminan bahawa sejarah tidak akan mengulang lagi?

Lebih penting lagi, adakah Akta ini benar-benar diperlukan apabila Parlimen telah pun meluluskan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (Sosma) serta pindaan-pindaan kepada Akta Keterangan 1950, Kanun Tatacara Jenayah dan Kanun Keseksaan yang sudah menyediakan pelbagai peruntukan untuk menangani keganasan, termasuk tahanan terhad untuk tujuan penyiasatan.

Tuan yang dipertua,

Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa sekiranya tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk membendung ideologi radikal dan gerakan pengganas, maka ia akan gagal dalam matlamatnya. Ini kerana undang-undang ini sekadar memberi kuasa untuk menangkap suspek yang disyaki terlibat dalam aktiviti pengganas, tetapi langsung tidak menangani pokok kepada masalah – iaitu penindasan ruang kebebasan yang mendorong kepada pemikiran sempit serta pendekatan dwi-standard Kerajaan yang bercanggah dengan sifat kesederhanaan dan melegitimasikan ugutan ganas.

Oleh itu, saya ingin menggesa agar Kerajaan menarik balik Rang Undang-undang ini, ataupun sekurang-kurangnya merujukkannya, bersama dengan pindaan-pindaan kepada Akta-akta lain yang berkenaan, kepada Jawatankuasa Pilihan bagi memperhalusi butiran undang-undang dan membawa pengesyorannya kepada mesyuarat Dewan Rakyat yang akan datang.

Sekian, terima kasih.



MENGADAKAN perbincangan bersama-sama cendiakawan Islam, Dr. Fathi Malkawi, Pengarah International Institute of Islamic Thought di Amman, Jordan.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbktfengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Jamaludin Said<br>udinmtd@gmail.com | 019-413 0799 |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS & AMBULANS 999
BOMBA
PENYELAMAT
DIREKTORI TELEFON 103
OPERATOR ANTARABANGSA 101

BIRO PENGADUAN AWAM 04-263 6893
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI 04-262 1957
KASTAM 04-262 2300
IMIGRESEN 04-250 3419
WCC (*Women's Centre for Change*) 04-228 0342
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) 04-398 8340
EPF 04-226 1000
SOCSO 04-238 9888

JPJ 04-656 4131
04-398 8809
JABATAN PENDAFTARAN 04-226 5161

*PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* 04-263 1166
*TOURISM MALAYSIA* 04-261 0058
KERETAPI BUKIT BENDERA 04-828 8880
FERI (GEORGETOWN) 04-210 2363
( BUTTERWORTH) 04-310 2377
JAMBATAN PP 04-398 7419
STESEN KERETAPI BUTTERWORTH 04-261 0290

PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK 04-829 4046
CAP 04-829 9511
BEFRIENDERS PENANG 04-281 5161
04-281 1108
PERPUSTAKAAN PP 04-229 8555

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 011-1060 8823 | - Shukri |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 595 6865 | - Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | : 013 - 598 1435 | - Raudzey Razali |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 010 - 929 6603 | - Ariff Baseri |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | - Varinder<br>- Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 599 2918 | - Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 422 4935 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017-413 5695 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Loh Joo Huat | 012 - 422 1133 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Tiagarajen A/L Annamalai | 010 - 387 9305 |
| Ong Eu Leong | 010 - 770 0508 |
| Ho Leng Hong | 017 - 487 2767 |
| Shafiqah Shobha Abdullah | 016 - 496 1659 |
| Mohd. Rizal Abd. Hamid | 012 - 424 3878 |
| Rajasegar a/l Govindasamy | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim | 018 - 576 1622 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115<br>019 - 493 6161 |
| Amir Md. Ghazali | 013 - 584 8386 |
| Mohd. Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Omar Hassan | 019 - 571 8031 |
| Dahalan Fazil | 019 - 727 4388 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Sukumar a/l Subramaniam | 019 - 442 2113 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Prof. Tan Kim Hooi | 016 - 438 7855 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Lim Boon Beng | 012 - 564 4400 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam | 014 - 945 9621 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016-417 1331 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Yacoob Omar | 013 - 420 3611 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Sha'ari Md. Salleh | 013 - 788 7786 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang 2015






30hb - 31hb Mei
***Festival Perahu Naga Antarabangsa Pulau Pinang***
***Empangan Teluk Bahang***





PENGARAH Korporat Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mohamed Akbar Mustapha (kiri sekali) sambil menunjukkan sarang lebah madu yang dipamerkan pada penganjuran Ekspo Hijau Sempena Majlis Pengisytiharan MBPP.



EXCO Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang (barisan depan, dua dari kanan) dan YDP MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif (barisan depan, kanan sekali) sambil ditemani dua pengunjung Karnival St. Mark menunjukkan tanda bagus berhubung penganjuran ia.



AKSI comel dua kanak-kanak yang berjaya dirakam lensa Buletin Mutiara pada Majlis Perasmian Pembukaan Lif Baru Blok 23 dan Pemasangan Tangki Air Baru Blok 21 Taman Seri Damai, Batu Lanchang.



EXCO Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng (barisan depan, tiga dari kiri) dan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin (barisan depan, kiri sekali) merakam gambar kenangan dengan salah seorang peserta Kejohanan Petronas AAM Cub Prix 2015.







EXCO Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo (tengah) menunjukkan 'bakat' memasak sambil diperhatikan ahli-ahli jawatankuasa penganjur pada program Pesta Makanan Amal.



YANG di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif (kiri sekali), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan (empat dari kiri) dan para jemputan khas pada penganjuran Program Gotong-royong Imej Baru Butterworth Bersama Think City.



SEBAHAGIAN peserta bergambar kenangan pada penganjuran Program Khas Hari Tanpa Kenderaan Sempena Pengisytiharan MBPP.



AKSI santai para pemain pada Kejohanan Futsal Peringkat Kebangsaan Ke-IV Piala Penaung Pemadam.

# Menggalakkan kesaksamaan gender melalui filem

## PWDC Menaja 2 Anugerah Untuk Flicks Fiesta 2015




KUMPULAN pelajar Komunikasi Kolej KDU Pulau Pinang.

Oleh : **YASMIN BATHAMANATHAN, PEGAWAI KOMUNIKASI & HUBUNGAN LUAR PWDC**

**SELARAS** dengan usahanya memupuk kesedaran dalam isu kesaksamaan gender dan meraikan bakat-bakat muda dalam bidang perfileman, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bekerjasama dengan Kolej KDU Pulau Pinang (KDU) untuk fiesta filem Flicks Fiesta 2015.

Flicks Fiesta 2015 terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori 1 bagi Khidmat Pesanan Masyarakat atau Public Service Announcement (PSA) dan dibuka kepada pelajar sekolah menengah, manakala Kategori 2 terbuka kepada pelajar kolej dan universiti di mana mereka boleh membikin filem ataupun dokumentari yang tidak melebihi 20 minit.

Bagi Kategori 1, PWDC menaja anugerah "PWDC Gender Equality Award" untuk PSA bertemakan kesaksamaan gender, manakala untuk Kategori 2, PWDC menaja anugerah "PWDC Futures Award" untuk director wanita terbaik.

"Dengan menaja anugerah "PWDC Gender Equality Award", PWDC berharap untuk menggalakkan lebih ramai pelajar meneroka tema kesaksamaan gender dalam pembikinan PSA mereka. Bagi memperkenalkan konsep kesaksamaan gender kepada peserta Flicks Fiesta, PWDC telah mengendali dua sesi bengkel di Kolej KDU. Lebih daripada 60 orang pelajar sekolah menengah terlibat dalam sesi-sesi "Gender Savvy" tersebut.

"Pelajar-pelajar tersebut diperkenalkan kepada konsep gender, stereotaip dan diskriminasi gender, kesamaan gender dan ekspektasi masyarakat ke atas remaja lelaki dan gadis. Untuk kebanyakannya, ini kali pertama mereka diperkenalkan dengan isu-isu ini.

"Untuk Kategori 2, PWDC berharap anugerah "PWDC Futures Award" akan menarik lebih banyak wanita muda di universiti dan kolej terlibat dalam pembikinan filem, terutamanya di kerusi pengarah. Ini adalah seiring dengan objektif PWDC memperjuangkan pemerkasaan wanita," kata Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Pengerusi PWDC Chong Eng dalam sidang akhbar untuk kolaborasi bersama Flicks Fiesta 2015.

Tarikh tutup penyertaan Flicks Feista adalah pada 29 April 2015, manakala Malam Anugerah Flicks Fiesta akan diadakan pada 15 Mei 2015 di Auditorium KDU bermula jam 6 petang. Untuk keterangan lanjut, sila emel Pengarah Projek Flicks Fiesta ke *ahjo47@gmail.com* atau layari laman *Facebook* di *www.facebook.com/flickfiesta*.




PARA pelajar dan pensyarah Komunikasi Kolej KDU Pulau Pinang bersama Chong Eng dan kakitangan PWDC di sidang akhbar Flicks Fiesta 2015.

# #JadikanKenyataan untuk usahawan wanita dengan Karnival Usahawan Wanita 2015

Oleh : **YASMIN BATHAMANATHAN, PEGAWAI KOMUNIKASI & HUBUNGAN LUAR PWDC**

**DARI** Mac 16 hingga 19, seramai 23 usahawan wanita telah mengambil bahagian dalam Karnival Usahawan Wanita 2015 anjuran PWDC dengan kerjasama pejabat Timbalan Ketua Menteri I dan Exco Belia & Sukan; Pembangunan Wanita , Keluarga & Komuniti.

Karnival empat hari berlokasi di KOMTAR dan dilancarkan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Haji Mohd Rashid Hasnon dan Exco Belia & Sukan; Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Pengerusi PWDC, Chong Eng. Turut hadir adalah Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; and pengarah-pengarah PWDC.

Karnival tersebut seiring dengan objektif PWDC untuk memperkasakan wanita di semua peringkat masyarakat, dan menggemakan mesej kempen #JadikanKenyataan yang menggalakkan lebih banyak wanita meneraju dalam bidang perniagaan.



DR AFIF, Rashid, Chong Eng dan CEO PWDC Aloyah Bakar bersama salah seorang peserta Karnival Usahawan Wanita 2015.




#JADIKANKenyataan, seru Lim, Afif, Rashid, Chong Eng and Aloyah.

Dalam ucapan pengaluannya, Chong Eng berkata, "Saya ingin menggalakkan lebih ramai wanita Malaysia untuk menjadi usahawan. Menjadi usahawan boleh membantu kaum wanita untuk meningkatkan pendapatan sendiri dan keluarga, serta lebih berdikari dan berani menempuh hidup. Dengan adanya lebih ramai wanita yang terlibat dalam perniagaan dan memiliki perniagaan sendiri, masyarakat kita akan lebih bergerak ke arah kesaksamaan gender."

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10352
Peminjam : MOHD SYAIBATUL HAMDI BIN HASHIM - 87021335**** 1399 MK 20 KUBANG SEMANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ABDUL MUTALIB BIN MOHD NOR - 60031608**** NO.458 MK 5, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH
Penjamin 2 : FATHINATUL SAADIYAH BINTI HASHIM - 66122507**** NO.1399 MK 20, KUBANG SEMANG 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH

No Akaun : 10354
Peminjam : ZURINA BINTI ABDUL HAMID - 77052407**** NO.2229 TINGKAT GELUGOR 1, 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABD RAHMAN BIN ALI - 64021507**** NO. 255A MUKIM J, KAMPUNG TERANG 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL KAHAR BIN KALID - 65052707**** 1-6-3A NIBONG INDAH, LORONG AZIZ IBRAHIM, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 10356
Peminjam : A TIRAH BINTI ISMAIL - 85010407**** NO.4500 BAKAU TUA 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : ISMAIL BIN SALLEH - 55112807**** NO.4500 BAKAU TUA, 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : OSMAN BIN OMAR - 71051007**** NO.1039 BAKAU TUA, 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 10359
Peminjam : MOHD ALLIF BIN MD SALLEH - 87070535**** NO. 32 LORONG KESUMBA SATU, TAMAN KESUMBA, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : ROHANI BINTI AHMAD - 61112807**** NO. 32 LORONG KESUMBA 1 , TAMAN KESUMBA, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 2 : MASITA BINTI REJAB - 59090907**** 320 KAMPUNG LIMA KONGSI, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS

No Akaun : 10361
Peminjam : MOHD AZIZI BIN JAAFAR - 86112935**** 277-F KAMPUNG PERMATANG PASIR, BANDAR BAHARU 34950 KEDAH
Penjamin 1 : ASWATI BINTI JAAFAR - 76121208**** 71 LORONG DAHLIA, TAMAN KEMUNTING JAYA 34600 KEMUNTING, PERAK
Penjamin 2 : ASWANI BINTI JAAFAR - 83080407**** 277-F KAMPUNG PERMATANG PASIR 34950 BANDAR BAHARU, KEDAH

No Akaun : 10362
CHONG Eng (kanan sekali) menyampaikan medal-medal kemenangan kepada salah sebuah pasukan yang berentap dalam Pertandingan Bola Sepak 9 Sebelah Piala Exco Belia & Sukan Negeri Pulau Pinang anjuran XPRO di sini baru-baru ini.



PASUKAN Harimau Kumbang dan TFB yang berjaya memasuki perlawanan peringkat akhir Kategori Bawah 12 Tahun bergambar kenangan dengan Chong Eng (barisan belakang, tengah) dan Shukor Salleh (barisan belakang, kanan sekali).

# Ibrahim Abu Bakar, polis yang tak penat berbakti

**PADA** 22 tahun yang lalu, beliau berkongsi modal dengan kakaknya untuk membeli sebidang tanah di Kampung Tasek dekat Kubang Menerong dalam Kawasan Parlimen Kepala Batas atas amanat ayahnya.

Tinggal lapan bulan lagi dalam perkhidmatan, Supritendan Tuan Haji Ibrahim Abu Bakar yang juga Ketua Jabatan Ketenteraman Awam merangkap Ketua Trafik Negeri Pulau Pinang kini gigih membina Madrasah Abu Bakar, demi terus menabur bakti kepada masyarakat.

"Sebagai pegawai polis ini, kita banyak berdamping dengan masyarakat, bukanlah kerana saya akan menamatkan perkhidmatan dalam PDRM tidak lama lagi.

"Tujuh tahun dahulu, tanah ini dijadikan kebun dengan tanam durian, rambutan dan sebagainya, dan ada lah bina pondok-pondok kecil, sehinggalah saya berasa tempat ini lebih sesuailah untuk saya menghabiskan sisa-sisa umur saya untuk terus berbakti kepada masyarakat.

"Apa yang saya sedang buat dengan sokongan kawan-kawan ini sebenarnya sudah menjadi suatu kepuasan," jelas Ibrahim dalam wawancara bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dekat tapak pemajuan di sini baru-baru ini.

Ibrahim merupakan generasi ketiga yang membesar dalam keluarga polis dan mempunyai seorang isteri.

Kesemua tujuh orang cahaya matanya kini berjaya dalam dunia akademik masing-masing sungguhpun pengajian awal mereka dari sekolah aliran agama.

Ibrahim sangat meminati rekacipta landskap berasaskan pengkayuan, serta berkepakaran dalam bidang selam skuba.

Mengenai projek pemajuan madrasah ini, Ibrahim memberitahu, kecuali rumah beliau dan sebuah rumah anaknya, kira-kira tiga suku ekar akan diwakafkan untuk pembangunan sebuah surau, kelas-kelas tahfiz, pondok-pondok untuk penginapan pelajar, dewan makan dan sebuah dewan orang ramai.

"Kebetulan Kariah di Kubang Menerong ini ada tiga kariah, Taman Seri Menerong ada sebuah surau, Kampung Pokok Jenerih pun ada satu Surau Dato' Sulaiman, cuma di Kampung Tasek sahaja yang masih belum ada surau.

"Saya nak membina surau dua tingkat sahaja, supaya bahagian atas boleh dijadikan kelas tahfiz al-Quran dan di bawah sebagai dewan solat dan mengaji kitab.

"Dengan adanya sebuah madrasah di sini, maka, ada lah pengajian agama di Kampung Tasek ini, ada kelas tahfiz al-Quran untuk anak-anak kita, pembelajaran akademik, manfaatnya akan melimpah ke masyarakat



IBRAHIM Abu Bakar menunjukkan ilustrasi Madrasah Abu Bakar yang disasarkan siap sebelum pertengahan tahun depan.



BERSAMA-sama rakan melawat tapak pemajuan Madrasah Abu Bakar.

sekeliling kampung ini," ujarnya yang juga anak jati Pulau Pinang.

Menurut beliau, batu asas projek pembangunan Madrasah Abu Bakar ini dilangsungkan pada 19 Oktober 2014, dalam satu majlis di sini yang disertai lebih 200 hadirin daripada kalangan pegawai kerajaan serta komuniti setempat.

"Selepas pada itu, projek di sini nampak lebih berjalan lancar dan mula disebarkan apabila saya diberi peluang untuk memberi penerangan di Masjid Kubang Menerong.

"Pada hujung tahun lepas, kita mendapat kelulusan sebagai Pertubuhan Kebajikan Madrasah Abu Bakar di bawah ROS (Pendaftar Pertubuhan).

"Nama Madrasah Abu Bakar ini sempena ambil nama khalifah pertama kita, Khalifah Abu Bakar As-Siddiq, kebetulan nama al-marhum bapa saya pun Abu Bakar bin Hashim (bekas Ketua Polis Balai Butterworth) dan beliau lah mencadangkan saya membeli tanah ini," jelasnya.

**PENGALAMAN**

Terlanjur berbicara, Ibrahim turut menceritakan mengenai pengalaman menjadi seorang anggota polis demi memelihara ketenteraman awam dan kedaulatan tanah air.

"10 tahun pertama itu, saya berkhidmat dalam pasukan polis hutan, semasa negara masih di bawah ancaman Parti Komunis Malaya (PKM).

"Ada banyak cabaran dan kisah-kisah yang boleh menjadi kenangan manis dan teladan, antaranya semasa berusia awal 20-an, saya telah menjadi platun komander memimpin 35 orang bertugas dalam sebulan (hingga) dua bulan di dalam hutan.

"Pertempuran pada 13 Oktober 1978 tepat pada jam 10.30 pagi, platun saya yang terdiri oleh 10 orang telah berjaya menumpaskan tiga pengganas komunis di Budu Estet, Kuala Lipis (Pahang), pertempuran Operasi Indera II ini, saya masih ingat dan susah untuk lupa.

"Sepanjang tempoh perkhidmatan saya hampir 40 tahun ini, saya pernah duduk dalam pelbagai jabatan, kecuali (Jabatan) Cawangan Khas," kata beliau.

Sepanjang tempoh perkhidmatan, Ibrahim memberitahu bahawa beliau pernah menjadi jurulatih polis hutan, terlibat secara langsung dalam bidang pengurusan pentadbiran kepolisan serta hal ehwal menangani jenayah, hatta, pernah menjadi Ketua Pegawai Keselamatan kepada Sultan Pahang.

**AKADEMIK**

Walaupun dihambat pelbagai tanggungjawab dalam perkhidmatan, tahu-tidak tahu Ibrahim berjaya mengejar pengiktirafan akademik.

Beliau mempunyai Diploma Ilmu-Ilmu Pengajian Islam, Diploma Psikologi & Kaunseling, Diploma Sains Kepolisan

"Pada tahun 2008, saya dapat Sarjana Sains Sosial dalam Analisis Strategi & Keselamatan di UKM.

"Setakat ini, anak Melayu PDRM (yang ada diploma) dalam Sains Kepolisan, Ibrahim Abu Bakar itu adalah orang yang dapat CGPA 4.0 dan belum lagi ada Melayu yang lain (memecahkan rekodnya)," seloroh Ibrahim.

**CABARAN**

Dalam pada itu, Ibrahim mengakui bahawa PRK Permatang Pauh sekarang adalah suatu tanggungjawab yang mencabar.

"Cabaran pertama saya datang ke Pulau Pinang adalah menghadapi Pilihan Raya Kecil (PRK) P51 Parlimen Bukit Gelugor dan tak sampai setahun, saya menghadapi cabaran di PRK P44 Parlimen Permatang Pauh pula.

"Pilihanraya ini pun bukan senang untuk memastikan ketenteraman awam terus terpelihara, tetapi, saya yakin di bawah kepimpinan Ketua Polis Negeri (Datuk Wira Abdul Rahim Hanafi) yang berpengalaman, kita boleh melakukan yang terbaik," ujar beliau.



IBRAHIM Abu Bakar dalam wawancara bersama wartawan Buletin Mutiara di kediamannya dekat Kubang Menerong di sini baru-baru ini.

Ibrahim turut mengulas mengenai anasir pelampau *Islamic State* (IS) yang dikatakan turut menyerap masuk di tanah air ini.

"Keadaan keselamatan dan ketenteraman awam serta jenayah di negeri Pulau Pinang adalah tenang dan terkawal.

"Walaupun ada isu-isu keganasan, tetapi, tidak ada isu-isu menarik yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam, khusnya di negeri Pulau Pinang," katanya.

**HARAPAN**

Ibrahim berharap slogan PDRM bagi tahun 2015, iaitu "Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada" dapat direalisasikan di negeri ini sebaik mungkin.

"Walau apa pun, polislah yang bersama masyarakat dan masyarakat pun boleh melihat, berdamping dan membantu polis untuk memastikan ketenteraman awam di negeri ini terus dipelihara.

"Kerana, polis ada di mana-mana, di panggung wayang pun ada polis, di jalan raya pun ada polis, di kawasan-kawasan awam pun ada polis, gambarannya polis bersama masyarakat dan masyarakat pun mesti menganggap polis ini sebagai 'polis mereka'.

"Menjadi anggota polis ini memang tak penat berbakti untuk masyarakat, jadi, saya harap Madrasah Abu Bakar inipun boleh menjadi tempat untuk saya sekeluarga berbakti kepada masyarakat," jelas Ibrahim.

Tambahnya, Lembaga Pengurusan Madrasah Abu Bakar dapat membuat pengambilan 15 hingga 20 orang murid pada bulan Mei tahun depan, selepas projek komuniti tersebut siap nanti.

Info lanjut, hubungi Ibrahim Abu Bakar di talian 019 – 465 3399 dan sumbangan cek atau tunai boleh dibuat pada nombor akaun Maybank 5574 – 4750 - 2774 atas penama Madrasah Abu Bakar.

# TUDM (A) unggguli hoki dewan MAKSAK, wakili negeri



MAIMUNAH Mohd. Sharif (tengah) melakukan pukulan awal sebagai gimik pusingan akhir Kejohanan Hoki Dewan (Lelaki) 2015 di sini baru-baru ini.

Gambar : **ALISSALA THIAN & MPSP**

**GEORGE TOWN –** Pasukan A Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM A) menepati ramalan sebagai pasukan pilihan selepas muncul juara pertama Kejohanan Hoki Dewan (Lelaki) anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan (MAKSAK) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Naib Johan dimenangi Pasukan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) manakala Pasukan TUDM B dan Pasukan PESSCA (Majlis Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pendidikan) Pulau Pinang masing-masing menduduki tempat ketiga dan keempat.

Menurut Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif selaku Pengerusi Pengelola Kejohanan, kejohanan yang julung kali diadakan tersebut bertujuan memilih pemain-pemain hoki dewan kategori lelaki bagi mewakili Pulau Pinang ke kejohanan peringkat kebangsaan.

"Penganjuran kejohanan ini merupakan manifestasi terhadap usaha MAKSAK dalam memberi pengiktirafan kepada usaha gigih pasukan sukan hoki dewan di Pulau Pinang terutamanya dalam kalangan penjawat awam.

"Sebagai anggota perkhidmatan awam, kita sebenarnya mempunyai peranan membudayakan sukan di jabatan masing-masing sekali gus menyahut saranan Y.A.B. Ketua Menteri agar penjawat awam mendokong empat inisiatif Kerajaan Negeri iaitu Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah Kejohanan Hoki Dewan (Lelaki) di Gelanggang Hoki Tertutup, Sekolah Penang Free di sini baru-baru ini.

Turut sama, Setiausaha MAKSAK Pulau Pinang, Yusbita Yaakub.

Jelas Maimunah, sukan juga merupakan antara medium yang berkuasa dalam menyatukan masyarakat tanpa mengira pangkat, usia, jantina dan bangsa.

"Ia sejajar dengan misi MAKSAK dalam menjadi penghubung mengeratkan silaturahim antara anggota perkhidmatan awam di samping membantu melahirkan anggota perkhidmatan awam yang sihat, cergas, berdisiplin, komited dan berdaya saing.

"Sekalung tahniah dan syabas kepada seluruh anggota kerja MAKSAK amnya, pegawai-pegawai pengelola dari MPSP dan para pemenang dalam usaha memartabatkan bidang sukan dalam perkhidmatan awam," ujar beliau.

Kejohanan Hoki Dewan (Lelaki) 2015 memperlihatkan format permainan lima sebelah secara liga satu kumpulan bagi penentu posisi juara.

## MBPP swasta parkir bertingkat, operasi 24 jam

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar :**SHUM JIAN-WEI**



SISTEM tiket digunakan di tempat letak kereta Kompleks MBPP Lebuh Pantai.

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menswastakan pengurusan tempat letak kereta bertingkat di Kompleks MBPP Lebuh Pantai bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di kawasan tersebut.

Ini kerana, menerusi inisiatif tersebut, operasi waktu parkir dapat dilanjutkan kepada 24 jam berbanding mengikut waktu pejabat ketika di bawah seliaan MBPP.

Ahli Majlis MBPP, Jospeh Ng Soon Siang berkata, tujuan penswastaan yang dibuat secara tender terbuka itu bukan sahaja memberi nafas baru kepada kompleks berkenaan, tetapi juga dapat mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di sekitar Lebuh Pantai.

Jelas beliau, kompleks berkenaan sebelum ini diuruskan MBPP yang hanya beroperasi mengikut waktu pejabat sahaja, tetapi di bawah pengurusan baru iaitu Syarikat Excel Strength Ventures Sdn. Bhd. (*Excel Parking*), tempat letak kereta tersebut beroperasi dalam tempoh 24 jam setiap hari.

"Excel Parking selaku pengurusan baru akan menguruskan kompleks enam tingkat ini dengan bayaran sewa sebanyak RM4,000 sebulan dengan ikatan kontrak selama tiga tahun tambah dua tahun (3+2) yang bermula 1 Mac lalu.

"Kontrak tersebut antara lain termasuk pengurusan perkhidmatan pembersihan kompleks, kaunter perkhidmatan, kiosk pembayaran, penyediaan kemudahan bagi orang kurang upaya (OKU) dan urusan pengawal keselamatan yang kesemuanya di bawah *Excel Parking*," katanya pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MBPP, Chris Lee Chun Kit, Tan Chiew Choon, Dr. Tan Kim Hooi dan Pengarah *Excel Parking*, Abdul Rahman Mohamed Abdul Kader.

Kompleks MBPP Lebuh Pantai mempunyai 204 petak letak kereta termasuk 50 tempat letak kereta khas disediakan bagi pemegang pas bulanan.

Kadar bayaran bagi tempat letak kereta di sini adalah RM1 bagi satu jam pertama dan RM1 bagi jam berikutnya. Manakala bagi pas bulanan, caj RM200 dikenakan dan tiada caj bayaran bagi 15 minit pertama.

Setakat ini, tiga kompleks tempat letak kereta bertingkat milik MBPP telah diswastakan termasuk di Lebuh Union dan Lorong Hutton di sini.




JOSEPH Ng Soon Siang (tiga dari kiri) cuba menggunakan mesin bayaran tempat letak kereta di Kompleks MBPP Lebuh Pantai di sini baru-baru ini.

## MPSP cadang buka dua tapak baru, Pasar Malam Taman Desa Damai tutup

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**



MICHEAL Tan Cheong Heng (dua dari kiri) bersama-sama wakil penduduk meninjau laluan trafik jalan utama Taman Gemilang Ria ke pintasan lebuhraya yang dijadikan sebagai 'tapak pasar malam sementara tanpa lesen', susulan langkah MPSP menutup operasi Pasar Malam Taman Desa Damai di sini baru-baru ini.

**PADANG LALANG –** Pintasan lebuhraya yang baru siap dibina bagi menghubungkan Jalan Song Ban Kheng ke Bandar Perda dikenalpasti mengakibatkan lokasi Pasar Malam Taman Desa Damai berusia lebih 20 tahun sebagai membahayakan keselamatan orang awam dan kaum penjaja di sini.

Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Micheal Tan Cheong Heng bagaimanapun berkata, pihaknya merancang untuk membuka dua tapak pasar malam baru berdekatan jalan altenatif melintasi landasan Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Kebun Sireh dan Taman Machang Bubok demi memelihara kepentingan penjaja kecil berwajib.

"Selain ada berlaku satu kemalangan di tapak pasar malam baru-baru ini, langkah MPSP menutup operasi pasar malam ini adalah kerana mendapat suatu memorandum daripada penduduk tempatan bahawa lokasi berkaitan bahaya untuk pengunjung.

"Kita (MPSP) tak paksa penjaja-penjaja kecil untuk pergi ke mana-mana tapak pasar malam, mereka bebas untuk pilih, (termasuk) sama ada berniaga di Kebun Sireh atau Taman Machang Bubok, selepas kedua-dua tapak pasar malam yang baru ini dibuka nanti," jelasnya kepada wartawan, selepas meninjau lokasi Pasar Malam Taman Desa Damai berhampiran Taman Gemilang Ria yang didakwa membahayakan pengunjung di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, pihak terbabit turut mengakui turut mengakui bahawa mereka tidak lagi memohon semula lesen penganjur pasar malam tersebut daripada MPSP kerana menganggap kawasan tersebut mempunyai risiko keselamatan.

Justeru, Cheong Heng memberitahu, pihaknya berharap JKKK Kebun Sireh dan JKKK Taman Machang Bubok dapat memohon lesen penganjur sesegera mungkin, untuk diproses oleh MPSP.

"Kelulusan permohonan bergantung pada proses teknikal yang dihadapi, tapak cadangan kita di Kebun Sireh umpamanya dikenalpasti membabitkan tanah milik persendirian dan kita akan berunding sesegera mungkin," jelas beliau.

# Cabutan bertuah MPSP tingkat kutipan cukai - YDP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Penganjuran Majlis Cabutan Bertuah dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Kutipan Cukai Pintu 2015 berjaya mencatatkan pungutan bayaran sebanyak RM38.54 juta melalui 112,190 transaksi daripada pembayar cukai Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, angka itu menyaksikan peningkatan sebanyak 90 peratus berbanding jumlah kutipan bagi promosi tahun sebelumnya, iaitu sebanyak RM20.28 juta.

"Memandangkan sambutan begitu menggalakkan daripada pembayar cukai, MPSP akan terus melaksanakan program promosi cabutan bertuah untuk tahun akan datang sebagai penghargaan berterusan kepada pembayar-pembayar cukai taksiran yang menjelaskan cukai taksiran mereka lebih awal," jelasnya pada majlis tersebut yang dilangsungkan di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan para Ahli Majlis lain turut menyertai majlis tahunan tersebut.

Maimunah memberitahu, bilangan akaun yang layak menyertai cabutan bertuah pada kali ini pun meningkat sebanyak 45.39 peratus menjadikan 37,443 akaun premis, berbanding jumlah yang layak pada tahun 2014, iaitu sebanyak 25,755 akaun premis.

Tambahnya, jumlah tunggakan terkumpul bagi cukai taksiran turut menyaksikan trend penurunan dalam tempoh tahun 2013 hingga 2009, sejak program promosi berwajib dianjurkan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.



SALAH seorang pemenang menerima hadiah ketuhar gelombang mikro.

Difahamkan, jumlah tunggakan terkumpul cukai taksiran MPSP bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM45.92 juta dan menurun ke RM42.62 juta (2010), RM34.32 juta (2009), RM27.43 juta dan RM21.85 juta (2013).

Maimunah memberitahu, MPSP turut melakukan langkah penguatkuasaan berwajib selain menganjurkan program promosi membayar tunggakan serta cukai taksiran pada awal tahun.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kanan) menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada salah seorang pemenang pada Majlis Cabutan Bertuah Dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Kutipan Cukai Pintu 2015 di sini baru-baru ini.

"MPSP telah mengambil tindakan perundangan dan membawa lima kes pemilik tegar ke mahkamah dengan nilai tunggakan cukai sebanyak RM13.58 juta.

"Tindakan ini dilihat perlu bagi memberi kesedaran kepada pembayar cukai taksiran (supaya) bertanggungjawab menjelas cukai taksiran pada setiap tahun dan mengikut tempoh yang telah ditetapkan," tegas beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, Maimunah menjelaskan bahawa Cukai Taksiran dan Sumbangan Membantu Kadar kepada MPSP adalah tidak akan dikenakan 6 peratus Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) yang dikuatkuasa Kerajaan Pusat sejak 1 April lepas.

## Kupon MPSP baru seragam caj parkir, GST – YDP

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal mengeluarkan kupon parkir baru tidak lama lagi dengan diseragamkan secara langsung bersama-sama caj tambahan ekoran pelaksanaan 6 peratus Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Justeru, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, pembekal dan pengguna masih boleh menggunakan kupon sedia ada sehingga Jun ini, sungguhpun Kerajaan Pusat menguatkuasakan GST sejak 1 April lepas.

"Kita semua tahu bahawa GST ini bermula pada 1 April dan kita masih menggunakan kupon parkir yang lama.

"Ini bererti, MPSPlah yang menanggung kos GST daripada aspek kupon ini, demi menghabiskan stok sedia ada sehingga akhir bulan Jun.

"Mulai 1 Julai, kita (MPSP) akan menggunakan kupon parkir baru bersama dengan 6 peratus GST yang kita (MPSP) diminta kutip daripada pelanggan bukan untuk kita (MPSP), tetapi untuk diserahkan terus kepada Kastam (Jabatan Kastam Diraja Malaysia).

"Kadar baru parkir sejam bersama GST selepas ini adalah 42.4 sen umpamanya, akan kita (MPSP) bundarkan menjadi 40 sen, maka, ini bererti caj 2.4 sen tersebut majlis (MPSP) akan serap dan bayar kepada Kastam nanti," jelasnya kepada wartawan selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Setiausaha MPSP, Ir. Rozali Mohamud pada sidang media sama berkata, kupon sedia ada tidak lagi boleh dijual atau ditebus dengan wang selepas 1 Julai nanti.

"Dalam tempoh tiga bulan ini (mulai April hingga Jun), kita (MPSP) minta semua agen jual sampai habis semua kupon (parkir) sedia ada.

"Selepas tiga bulan, akan dikenakan 6 peratus GST (dengan menggunakan kupon MPSP baru), maka, tidak boleh lagi menjual kupon sedia ada (yang lama)," ujar beliau.


### IKLAN JAWATAN KOSONG
### MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Seberang Perai seperti berikut :

| BIL | JAWATAN | GRED | TARAF | KEKOSONGAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Penguatkuasa | N41 | Tetap | 1 |
| 2. | Pegawai Perancang Bandar & Desa | J41 | Tetap | 1 |
| 3. | Jurutera Awam | J41 | Tetap | 1 |
| 4. | Pegawai Kesihatan Persekitaran | U41 | Tetap | 1 |
| 5. | Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa | JA29 | Tetap | 3 |
| 6. | Penolong Arkitek Landskap | JA29 | Tetap | 1 |
| 7. | Penolong Pegawai Senibina | JA29 | Tetap | 12 |
| 8. | Penolong Jurutera Awam | JA29 | Tetap | 15 |
| 9. | Penolong Pegawai Tadbir | N27 | Tetap | 1 |
| 10. | Penolong Pegawai Veterinar | G27 | Tetap | 2 |
| 11. | Penolong Pegawai Penilaian | W27 | Tetap | 2 |
| 12. | Pembantu Tadbir | N17 | Kontrak | 4 |
| 13. | Pegawai Khidmat Pelanggan | N17 | Tetap | 1 |
| 14. | Pembantu Kemahiran | H17 | Tetap | 3 |
| 15. | Penghantar Notis | N11 | Tetap | 4 |
| 16. | Pembantu Operasi | N11 | Tetap | 6 |
| 17. | Pembantu Awam | H11 | Kontrak | 100 |
| 18. | Pembantu Awam (Penyelamat) | H11 | Tetap | 4 |

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN**
Tarikh tutup iklan adalah pada **30 April 2015**.

**SYARAT LANTIKAN**
Syarat lantikan secara terperinci berserta dengan maklumat lanjut berkenaan dengan jawatan-jawatan yang diiklankan boleh diperolehi dengan melayari laman web e-jawatan Majlis Perbandaran Seberang Perai di www.mpsp.gov.my.

**CARA MEMOHON**
Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari sistem e-jawatan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan membuat permohonan secara atas talian (online) sahaja dengan mengisi maklumat yang diperlukan di www.mpsp.gov.my.

**CATATAN AM**
(a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
(b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
(c) Pemohon-pemohon yang telah mendaftar di laman e-jawatan MPSP hendaklah mengemaskini semua maklumat permohonan sebelum memohon jawatan yang diiklankan.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Bahagian Perjawatan di talian 04-5497 732/ 04-5497 431/ 04-5497 430 atau email ke perjawatan@mpsp.gov.my.

Nota : Iklan ini telah disiarkan di dalam akhbar Sinar Harian, The Star, Kwong Wah Yit Poh dan Malaysian Nanban pada **10 April 2015**

# Naiktaraf prasarana Flat Kg. Melayu sejak 7 tahun demi rakyat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**AIR ITAM –** Beberapa prasarana dan kemudahan di Flat Kampung Melayu telah dinaiktaraf sejak tujuh tahun lalu bertujuan memberi keselesaan dan kesejahteraan penduduk di sini.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai, penaiktarafan di Flat Kampung Melayu dilaksanakan menerusi beberapa siri projek naiktaraf termasuk penyediaan kemudahan asas bagi penduduk di sini.



GOLONGAN kanak-kanak begitu tertarik dengan bahan-bahan pameran pasukan Bomba dan Penyelamat yang diadakan bersempena Majlis Perasmian Penyempurnaan Dewan Orang Ramai Blok B, Flat Kampung Melayu di sini baru-baru ini.

"Selain mengecat semula flat di sini, turut dilaksanakan adalah pemodenan lif, pengindahan taman permainan kanak-kanak dan terkini adalah menaiktaraf Dewan Orang Ramai di Blok B," ucapnya pada Majlis Perasmian Penyempurnaan Dewan Orang Ramai Blok B, Flat Kampung Melayu di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mohamed Yusoff Mohamed Noor dan Mhd. Nasir Yahya serta ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Melayu.

Selain beramah mesra dengan penduduk di Flat Kampung Melayu, Hon Wai turut meluangkan masa melawat pameran yang diadakan oleh agensi-agensi kerajaan dan keselamatan sempena sambutan penyempurnaan Dewan Orang Ramai dan Gotong-royong Perdana yang diadakan secara serentak.



AKSI girang Wong Hon Wai (tiga dari kiri) ketika mendukung anak kepada salah seorang penghuni di Flat Kampung Melayu di sini.

Dalam pada itu, jelas Hon Wai, projek menaiktaraf dewan di sini menelan belanja RM98,500, termasuk kerja-kerja membaiki tingkap, pintu, mengecat semula dan pemasangan bumbung kajang *(awning)*.

"Semua ini adalah untuk keselesaan orang ramai di samping memberi peluang penduduk di sini menggunakan kemudahan dewan (ini) untuk keraian dan kenduri-kendara.

"Penduduk boleh sambut hari jadi di sini, boleh adakan kenduri kahwin di sini, boleh adakan sukan dan permainan di sini, semua untuk kesejahteraan penduduk," ujar beliau.

## Cuma 10 minit setiap minggu, perangi denggi!



PROF. Dr. P. Ramasamy (duduk, barisan depan) ketika hadir pada Kempen Kesihatan dan Keselamatan di Taman Inderawasih di sini baru-baru ini.

Gambar : **J. PATMAVATHY**

**PERAI –** Dalam usaha menggalakkan tindakbalas berterusan menerusi penglibatan masyarakat ke arah mencegah penularan wabak denggi, satu Kempen Kesihatan dan Keselamatan dilancarkan di Taman Inderawasih di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata, kempen tersebut memberi tumpuan ke arah usaha-usaha menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes yang menjadi punca penyakit denggi dan chikungunya.

"Baik di dalam mahupun di luar rumah, tempat-tempat yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes perlu dimusnahkan.

"Tak lama, cuma perlu 10 minit setiap minggu membersihkan kawasan rumah, usaha itu mampu membendung pembiakan nyamuk aedes sekaligus memerangi wabak denggi," ucapnya pada Majlis Perasmian Kempen Kesihatan dan Keselamatan anjuran Pejabat Khidmat ADUN Perai, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah di sini baru-baru ini.

Serentak itu, Ramasamy turut merasmikan pembukaan Bilik Gerakan Pasukan COMBI atau *Communication for Behavioral Impact* bagi memudahkan pengoperasian pelbagai program gotong-royong di kawasan tersebut.

Selain ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Inderawasih, turut hadir, Ahli-ahli Majlis MPSP, David P. Marshel dan M. Satees.

Ramasamy yang juga Timbalan Ketua Menteri II dalam pada itu menyeru semua pihak supaya membersihkan kawasan rumah dan tempat-tempat pembiakan nyamuk sekurang-kurangnya seminggu sekali.

"Aktiviti pengasapan *(fogging)* hanya membunuh nyamuk dewasa bukan jentik-jentik, sebab itu, kita perlu bekerjasama membersihkan kediaman dan persekitaran (rumah) masing-masing," seru beliau.

## Ops Sifar Denggi harap basmi wabak denggi

Gambar : **CHAN LILIAN**

**PULAU TIKUS –** Rentetan peningkatan kes demam denggi dicatatkan di Pulau Pinang sejak suku pertama tahun ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pantai Molek mengambil inisiatif menganjurkan pertandingan 'Ops Sifar Denggi' sebagai langkah kawalan dan pembasmian wabak denggi di kawasan berkaitan.



YAP Soo Huey (tiga dari kiri) bersama-sama jawatankuasa penganjur pertandingan 'Ops Sifar Denggi' menunjukkan risalah denggi yang bakal diedarkan di setiap rumah di sini.

ADUNnya, Yap Soo Huey selaku Ketua Juri Pertandingan berkata, hasil perbincangan dan pertemuan bersama wakil penduduk, pertandingan tersebut dipersetujui ekoran Taman Teguh (di bawah JKKK Pantai Molek) di sini merupakan lokasi panas kes demam denggi sejak tahun lalu.

"Walaupun belum menerima kes kematian membabitkan denggi di kawasan ini, inisiatif proaktif perlu diambil sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelak perkara tidak diingini berlaku.

"Atas dasar tersebut, idea untuk mengadakan pertandingan 'Ops Sifar Denggi' diutarakan dan ia melibatkan semua rumah bertingkat tinggi dalam kawasan ini.

"Sebagai permulaan, ia bakal membabitkan lebih dari 10 perumahan bertingkat tinggi dalam kawasan JKKK Pantai Molek termasuk Taman Kristal, Palm Court dan Seri Taman Tanjung," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengerusi JKKK Pantai Molek, Lee Kuan Shern, Setiausaha JKKK Pantai Molek, J. Iswari dan wakil-wakil kawasan perumahan dalam JKKK Pantai Molek.

Menurut Soo Huey, pertandingan tersebut terbuka kepada semua komuniti perumahan bertingkat tinggi yang mempunyai Badan Pengurusan Bersama diiktiraf Pesuruhjaya Bangunan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

"Pertandingan akan berlangsung mulai 1 Jun sehingga 31 Ogos 2015 dan perumahan bertingkat tinggi yang ingin menyertai pertandingan ini perlu mendaftarkan diri sebelum 30 April 2015.

"Saya percaya, menerusi pertandingan ini ia mampu mengekang penularan wabak denggi di kawasan terlibat," ujar beliau.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Lee Kuan Shern di talian 016 - 404 8220 atau emel, *seanlee@gmail.com*.

# Projek jajaran semula, lebar jalan jangka siap hujung 2016

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**AIR ITAM –** Tiga jalan di Air Itam yang kini sedang dalam proses penjajaran semula dan pelebaran membabitkan pihak pemaju yang menjalankan projek pembangunan bercampur di kawasan berkaitan dijangka siap pada penghujung tahun 2016.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, projek membabitkan Jalan Pisang Embun, Jalan Pisang Rastali dan Jalan Pisang Berangan tersebut merupakan sebahagian daripada syarat dikenakan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terhadap pemaju yang menjalankan (projek) pembangunan di sini.

Beliau menjelaskan bahawa terdapat tiga jalan dua hala sedang diturap semula dengan kelebaran baharu.



**SEBAHAGIAN jalan yang terlibat dalam proses penjajaran semula dan pelebaran jalan di Air Itam.**

"Jalan Pisang Embun akan dilebarkan kepada 20.1 meter (m) lebar manakala bagi Jalan Pisang Rastali dan Jalan Pisang Berangan, masing-masing dilebarkan kepada 12.2m dan 15.2m melibatkan sejauh tiga kilometer," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pegawai Teknikal pemaju, Chew Kwong Weng.

Menurut Hon Wai, projek penjajaran semula dan pelebaran jalan yang bermula sejak Januari lalu dijangka siap sepenuhnya menjelang penghujung tahun hadapan.



**WONG Hon Wai (dua dari kiri) bersama-sama wakil pemaju dan penduduk menunjukkan pelan pembangunan jalan di Air Itam pada sidang media di tapak projek di sini baru-baru ini.**

"Projek ini akan memberi manfaat kepada semua penduduk di Air Itam, terutama mereka yang tinggal berdekatan dengan tiga jalan tersebut.

"Selain dapat mengurangkan kesesakan lalulintas di kawasan terbabit, projek berkenaan juga dapat memendekkan masa antara Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan laluan pintas Bandar Baru Air Itam," ujar beliau.

Tambah Hon Wai, sistem perparitan baru juga akan dibina dari Sekolah Menengah Kebangsaan Air Itam ke Sungai Dondang yang dilihat dapat mengatasi mangatasi masalah banjir kilat.

Terdahulu, Hon Wai menyerahkan dua set komputer dan lima set meja berserta kerusi batu bernilai RM8,000 kepada pihak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sin Kang melalui peruntukannya sendiri di sini.

## JKKK, MPSP kerjasama bendung denggi



**SEBAHAGIAN penduduk dan kakitangan am MPSP bertungkus-lumus membersihkan kawasan longkang pada penganjuran Program Gotong-royong di sini baru-baru ini.**

Gambar : **ARKIB JKKK**

**MACHANG BUBUK –** Dalam usaha membendung penularan demam denggi, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Tasek Junjong dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengambil inisiatif menganjurkan Program Gotong-royong bersama komuniti setempat di sini baru-baru ini.

Setiausaha JKKK Kampung Tasek Junjong, Ahmad Rozaimi Mohamad Radzi berkata, program tersebut adalah sebagai menyahut seruan Kerajaan Negeri dalam memastikan penularan wabak denggi dapat dikekang.

"Seperti yang kita maklum, statistik menunjukkan peningkatan kes demam denggi sejak awal tahun di beberapa lokasi sekitar Machang Bubuk dan isu ini harus ditangani secara bersama dengan kadar segera.

"Program ini, kita akan adakan secara berkala bagi memastikan persekitaran Kampung Tasek Junjong bebas aedes, bebas demam denggi," katanya yang turut sama mengambil bahagian dalam program berkaitan di sini.

Dalam pada itu, Ahmad Rozaimi berharap semua penduduk memainkan peranan masing-masing dalam memastikan persekitaran rumah adalah bebas dari sebarang bekas takungan air yang menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

Seramai 60 penduduk tempatan mengambil bahagian dan perkakasan gotong-royong disediakan oleh pihak MPSP.

## Program Ziarah Mahabbah bantu penduduk

Gambar : **PPK**

**PINANG TUNGGAL –** Seramai 10 individu terpilih membabitkan empat kampung di bawah seliaan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pinang Tunggal menerusi Program Ziarah Mahabbah menerima sumbangan berupa makanan asas di sini baru-baru ini.

Kampung-kampung terlibat adalah Kampung Selamat Selatan, Kampung Paya Keladi Hujung, Kampung Paya Keladi Tengah dan Kampung Paya Keladi Masjid.

PPKnya, Muhasdey Muhamad ketika ditemui berkata, saban minggu beliau dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat akan memilih 10 individu sama ada dalam kalangan orang kurang berkemampuan, sakit terlantar, uzur atau fakir untuk menerima sumbangan makanan asas seperti beras, gula, teh, biskut dan minuman coklat.





**MUHASDEY Muhamad (berkopiah) beramah-mesra dengan para penerima sumbangan Program Ziarah Mahabbah di sini baru-baru ini.**

"Tujuannya mudah sahaja, untuk membantu meringankan bebanan golongan ini, tambahan pula dalam situasi ekonomi terkini, dengan pelaksanaan GST (cukai barangan dan perkhidmatan) pastinya sumbangan ini dapat melegakan mereka.

"Bak kata orang-orang tua, yang ringan sama dijinjing, yang berat sama dipikul, moga-moga mereka ini dilimpahi dengan rezeki yang banyak dan kesihatan yang baik," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, program yang telah dilaksanakan sejak tiga tahun lalu ini bukan sahaja dapat meringankan beban golongan memerlukan, malah juga dapat menjalinkan silaturahim yang murni.

"Penerima tahu bahawa ada yang prihatin, ada yang ambil berat dan peduli keadaan mereka," ujar beliau.

## Bakat Si Cilik - Mewarna 2.0




Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ____________________

Alamat: ____________________

____________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ____________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) : __________

Emel: ____________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Mac 2015 hingga 31 Julai 2015.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM200**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**